

JAWAPAN

Topik

1

Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

Praktis 1

- | | |
|----------------|-----------------|
| 1 lingua | 6 dipinggirkan |
| 2 kegemilangan | 7 ditingkatkan |
| 3 mengutamakan | 8 agenda |
| 4 lapisan | 9 menggembeleng |
| 5 dilaksanakan | 10 berpijak |

Praktis 2

- | | |
|--------------|-----------------|
| 1 merugikan | 6 inspirasi |
| 2 bergolek | 7 bersemangat |
| 3 berwibawa | 8 meruntuhkan |
| 4 media | 9 mengembangkan |
| 5 menghimpun | 10 mengalah |

Praktis 3

Malaysia kaya dengan buah-buahan tempatan yang bermusim dan tidak bermusim. Buah bermusim yang sangat popular dan sangat digemari hampir seluruh rakyat Malaysia seperti durian, rambutan dan manggis. Buah tidak bermusim pula boleh didapati sepanjang tahun seperti pisang, betik, jambu dan belimbing.

Praktis 4

Sebagai kesimpulannya, masalah pencemaran alam sekitar perlu ditangani dengan kerjasama semua pihak. Kita perlu cakna akan kepentingan menjaga alam sekitar agar dapat dipulihara serta dijaga dengan lebih baik. Kita perlu bersama-sama melestarikan alam sekitar kerana hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.

Praktis 5

Idea 1: Para tetamu pelbagai kaum akan beramah mesra sekali gus menolak prasangka yang wujud ibarat buang yang keruh, ambil yang jernih. Mereka juga berasa selesa dapat berkomunikasi dalam suasana yang harmoni.

Idea 2: Mereka akan meraikan perayaan itu bersama-sama walaupun berbeza latar belakang, budaya dan agama. Malah, pengunjung boleh mengenali juadah kaum-kaum lain di samping dapat mengetahui pelbagai adat resam dan pantang larang.

Idea 3: Pengalaman pelancong asing meraikan perayaan-perayaan yang terdapat di Malaysia akan menjadikan nama Malaysia sentiasa meniti dari bibir ke bibir sekembalinya mereka ke negara asal.

Praktis 6

[Pendahuluan] “Bahu memikul, hati menyokong” bermaksud melakukan sesuatu dengan sukarela tanpa dipaksa. Ungkapan ini amat sesuai dengan aktiviti kesukarelawanan yang menyumbangkan masa, sumber, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman kepada masyarakat. Pelbagai kerja sukarela boleh dilakukan seperti membantu mangsa bencana alam, dan aktiviti gotong-royong.

[Idea 1] Faedah menyertai aktiviti kesukarelawanan ialah kita dapat melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah. Dengan menjadi sukarelawan, kita dapat mempelajari kemahiran berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling, pengurusan media dan kerja berpasukan. Secara tidak langsung, aktiviti ini melatih dan memupuk sifat empati serta kepimpinan dalam diri.

[Idea 2] Selain itu, aktiviti kesukarelawanan menjadi alternatif untuk anak muda mengisi masa lapang. Hal ini demikian kerana sesetengah anak mudanya lebih suka membuang masa dengan melepak dan melakukan perkara yang negatif. Apabila mereka menyertai aktiviti kesukarelawanan mereka akan lebih terdorong untuk mengamalkan nilai-nilai murni akibat kesedaran semasa melakukan aktiviti kemasyarakatan.

[Idea 3] Pada sisi yang lain, aktiviti kesukarelawanan dapat mengelakkan masyarakat daripada bersifat materialistik. Menerusi aktiviti kesukarelawanan, kita akan berasa bahagia apabila melihat orang lain gembira dan tersenyum dengan sumbangan yang diberikan. Impaknya, wang yang disumbangkan itu akan menjadi lebih berkat dan melimpah ruah.

[Penutup] Sebagai kesimpulannya, aktiviti kesukarelawanan harus dibudayakan bersama-sama bagi aur dengan tebing dalam kehidupan setiap orang terutamanya anak muda. Sikap kepedulian kita mampu melahirkan masyarakat yang prihatin sekali gus menyemai semangat muhibah dan perpaduan.

Praktis 7

[Pendahuluan] Kedai koperasi sekolah merupakan perniagaan yang ditubuhkan oleh pihak sekolah dengan pengawasan Kementerian Pendidikan dan Angkatan Kedai Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Kedai koperasi sekolah ditadbir oleh ahli lembaga pengarah dan dijalankan oleh ahli jawatankuasa yang terdiri daripada murid-murid.

[Idea 1] Koperasi sekolah dapat membantu memudahkan murid memperoleh barang keperluan sekolah dengan harga yang lebih murah dan berpatutan daripada harga di pasaran. Murid-murid tidak perlu membuang masa ke pasar raya atau ke kedai hanya untuk membeli alat tulis dan buku.

[Idea 2] Seterusnya, penglibatan murid menguruskan kedai koperasi turut menjadi proses pembelajaran aspek perniagaan di luar bilik darjah. Mereka berpeluang mengetahui perkara-perkara asas operasi perniagaan seperti urusan jual beli, membuat akaun dan pemasaran. Secara tidak langsung, perkara yang dipelajari di dalam kelas menerusi mata pelajaran

Prinsip Akaun dan Matematik dapat dipraktikkan seterusnya menjadikan mereka lebih cekap.

[Idea 3] Seterusnya, penubuhan kedai koperasi dapat membantu menambah sumber kewangan sekolah. Hal ini demikian kerana keuntungan kedai koperasi berpunca daripada pembelian barangan oleh murid-murid, guru-guru dan warga sekolah. Sebahagian keuntungan akan diberikan kepada pihak sekolah untuk menyediakan pelbagai kemudahan di sekolah.

[Penutup] Sebagai kesimpulannya, penubuhan kedai koperasi seperti cendawan tumbuh selepas hujan memberikan banyak faedah kepada warga sekolah termasuklah guru dan murid. Oleh itu, semua warga sekolah perlulah menyokong dengan membeli peralatan sekolah dan buku di kedai koperasi.

Praktis 8

[Pendahuluan] Obesiti atau kegemukan dalam kalangan masyarakat amat membimbangkan. Obesiti berlaku apabila lemak badan terkumpul sehingga tahap yang menjejaskan kesihatan seseorang. Pelbagai langkah boleh dilakukan untuk mencegah diri daripada mengalami obesiti.

[Idea 1] Ibu bapa perlu mengamalkan pola pemakanan seimbang dalam keluarga. Pola pemakanan seimbang melibatkan penyediaan makanan yang berkhasiat dan corak pemakanan yang teratur. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak makan secara sederhana bukannya berlebih-lebihan dan mengamalkannya di rumah.

[Idea 2] Seterusnya, kita hendaklah mengamalkan memakan buah-buahan dalam diet seharian. Kita perlu menjadikan amalan memakan buah-buahan suatu perkara yang menyeronokkan bersama dengan keluarga. Laburkanlah sedikit wang untuk membeli buah-buahan walaupun agak mahal kerana faedahnya kepada kesihatan tidak ternilai.

[Idea 3] Selanjutnya, sentiasa aktif dan meluangkan masa melakukan aktiviti riadah. Aktiviti riadah seperti bermain badminton, berbasikal dan berjoging boleh dilakukan semasa riadah. Aktiviti riadah perlulah konsisten diamalkan kerana amat baik untuk kesihatan anggota keluarga secara keseluruhannya.

[Penutup] Sebagai kesimpulannya, kita perlu menjadikan gaya hidup sihat dan pemakanan yang berkhasiat sebagai amalan keluarga. Obesiti boleh menyebabkan pelbagai penyakit kronik yang lain kepada kanak-kanak dan orang dewasa. Oleh itu, ibu bapa perlu bersikap tegas terhadap anak-anak apabila melibatkan makanan.

Praktis 9

[Pendahuluan] Kemajuan sains dan teknologi memudahkan urusan harian manusia. Teknologi pengangkutan dengan ciptaan pelbagai jenis kenderaan telah memudahkan mobiliti manusia dalam kehidupan seharian. Inovasi kaedah rawatan moden pula telah menambah baik kehidupan manusia dari aspek penjagaan kesihatan.

[Idea 1] Ibu bapa hendaklah memperkenalkan dunia sains dan teknologi kepada anak-anak. Ibu bapa boleh membawa anak-anak mengunjungi pameran sains dan teknologi serta membelikan mereka bahan-bahan bacaan tentang sains dan teknologi. Sekiranya anak-anak menunjukkan minat terhadap bidang ini, ibu bapa hendaklah memberikan galakan dan dorongan yang bersesuaian.

[Idea 2] Guru-guru sains di sekolah pula hendaklah memberikan penekanan terhadap aspek teori, amali serta penyelidikan. Pertandingan reka cipta sains perlu diadakan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti murid. Tawarkan hadiah yang menarik agar lebih ramai murid mengambil

bahagian. Usaha ini dipercayai dapat meningkatkan minat murid terhadap sains dan teknologi.

[Idea 3] Seterusnya, institusi pengajian tinggi hendaklah menawarkan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan sains dan teknologi supaya lebih ramai mahasiswa berpeluang mengikuti pengajian itu. Pihak institusi pengajian tinggi juga perlu menyediakan kemudahan pembelajaran sains dan teknologi yang kondusif kepada mahasiswa untuk menarik minat generasi muda menceburi bidang ini.

[Penutup] Sebagai kesimpulannya, bidang sains dan teknologi banyak mendatangkan faedah kepada kehidupan manusia. Kesedaran semua pihak tentang kepentingan sains dan teknologi amatlah penting supaya pemupukan budaya ini dalam kalangan murid akan mencapai matlamatnya. Minat dan kecenderungan boleh terhasil kerana hendak seribu daya tidak hendak seribu dalih.

Praktis 10

[Pendahuluan] Ungkapan “Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara” membuktikan betapa remaja amat diperlukan untuk meneruskan legasi kepemimpinan negara. Sikap kepemimpinan ini perlu dipupuk, disemai dan dibentuk sejak seseorang itu masih kecil. Tugas sebagai pemimpin cilik bermula apabila seseorang itu dipilih sebagai ketua murid.

[Idea 1] Ketua murid perlu mempunyai sahsiah yang terpuji dalam dirinya. Perilaku berbudi pekerti seperti mematuhi peraturan sekolah, menghormati guru, bertanggungjawab dan amanah merupakan kriteria yang perlu ada pada ketua murid. Oleh hal yang demikian, ketua murid pasti dihormati oleh murid-murid lain.

[Idea 2] Untuk membina kredibiliti, ketua murid perlu bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Sikap bertanggungjawab ini akan melahirkan generasi pemimpin negara yang lebih berkualiti dan berintegriti. Pengalaman sebagai ketua akan menjadikan murid itu lebih bersedia mendepani cabaran sebagai pemimpin apabila dewasa kelak.

[Idea 3] Seterusnya, ketua murid juga perlu menjadi suri teladan kepada murid-murid lain. Hal ini demikian kerana setiap tindakan mereka turut dinilai dan diikuti oleh murid lain. Oleh itu, ketua murid perlu terlebih dahulu mematuhi semua peraturan sekolah supaya sikap ini dicontohi oleh murid lain.

[Penutup] Sebagai kesimpulannya, jawatan ketua murid perlu digalas dengan penuh tanggungjawab. Ketua murid perlu meneroka peluang keemasan ini untuk membina jati diri sebagai pemimpin yang berintegriti. Mereka diharap mampu menjadi modal insan yang berkualiti kepada negara sekali gus menerajui kepimpinan negara kelak.

Topik

2

Karangan Umum

Praktis 1

Pendahuluan: Oleh sebab itulah, kita selalu dicanang dengan cogan kata “Majulah Sukan untuk Negara” kerana sukan banyak faedah termasuklah boleh menggerakkan ekonomi negara.

Idea 1 (Contoh/Bukti): Pelbagai penyakit yang dikaitkan dengan gaya hidup yang tidak aktif antaranya obesiti seterusnya boleh menyebabkan diabetes, hipertensi dan serangan jantung. Sedangkan kos untuk mengubatnya lebih tinggi daripada memperuntukkan masa seharian sekitar setengah jam untuk bersukan.

Idea 1 (Kesan/Kesimpulan): Hal ini demikian kerana badan akan mengeluarkan peluh apabila bersukan sekali gus membuang toksin melalui peluh di samping membakar kalori. Walaupun kita berasa letih tetapi tubuh akan menjadi lebih segar.

Idea 2 (Contoh/Bukti): Masa yang terluang boleh dihabiskan dengan pelbagai kegiatan sukan. Lantas, kita terhindar daripada melakukan perkara yang sia-sia seperti melepak, berpelesiran dan aktiviti tidak bermoral lain.

Idea 2 (Kesan/Kesimpulan): Secara tidak langsung, masalah gejala sosial khususnya dalam kalangan anak muda mampu dibendung kerana mereka tiada masa untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah.

Idea 3 (Contoh/Bukti): Semangat kesukanan dapat memupuk nilai-nilai perpaduan seperti bekerjasama, bertoleransi dan meletakkan kepentingan negara serta pasukan melebihi kepentingan diri. Masyarakat pelbagai kaum pula akan berasa diri mereka menjadi anak Malaysia yang sejati.

Idea 3 (Kesan/Kesimpulan): Apabila masyarakat bersatu padu tanpa prejudis terhadap kaum-kaum lain, sudah pasti keharmonian dan keamanan dapat diwujudkan. Seterusnya, agenda pembangunan negara yang dirancang dapat dilaksanakan kerana masyarakat mengutamakan perpaduan.

Idea 4 (Contoh/Bukti): Kemajuan sukan negara menampilkan hala tuju anak muda yang berkebolehan dan berpotensi menjadikan bidang sukan sebagai kerjaya. Pemain bola sepak profesional, pemain badminton seperti Datuk Lee Chong Wei dan bekas ratu boling negara, Shalin Zulkifli menjadikan sukan masing-masing sebagai kerjaya.

Idea 4 (Kesan/Kesimpulan): Apabila sukan menjadi satu industri di negara ini, peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia akan bertambah.

Penutup: Bidang sukan diharap dapat melahirkan masyarakat yang sihat, bersatu padu, berdaya maju dan berdaya saing. Sesungguhnya, sukan berfaedah kepada individu, masyarakat dan negara. Tegasnya, kegiatan sukan wajar digalakkan kepada semua lapisan.

Praktis 2

Pendahuluan: Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan. Saya berterima kasih kerana diundang untuk menyampaikan ceramah pada pagi yang mulia ini dengan tajuk “Usaha-usaha Mengurangkan Tabiat Merokok dalam Kalangan Remaja”. Tajuk ini saya pilih berdasarkan data daripada Kementerian Kesihatan yang menunjukkan jumlah perokok terus bertambah saban tahun, walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengurangkannya.

Idea 1: Sihat yang dimaksudkan meliputi aspek pemakanan, pergaulan, pakaian, dan cara hidup. Amalan tersebut menyedarkan kita bahawa merokok amat berbahaya dari segi kesihatan dan menghabiskan wang ringgit.

Idea 2: Sekiranya ibu atau bapa seorang perokok, mereka perlu mengelakkan diri daripada merokok di hadapan anak-anak. Seboleh-bolehnya ibu bapa yang merokok perlu berusaha berhenti merokok walaupun mengambil masa yang lama, tetapi lambat laun rasa ketagihan itu dapat diatasi.

Idea 3: Remaja yang baru berjinak-jinak dengan rokok biasanya tidak berani merokok di rumah kerana takut akan dimarahi, sebaliknya mereka lebih berani merokok ketika bersama-sama rakan di luar. Jadi, masyarakatlah yang berperanan menegur remaja yang masih bersekolah daripada terjebak dalam salah laku ini.

Idea 4: Angka-angka seperti kira-kira 10 000 orang penduduk negara ini mati setiap tahun akibat penyakit yang berkaitan

dengan rokok seperti kanser hendaklah dimaklumkan kepada murid-murid. Kita mengharapkan remaja insaf dengan pendedahan tersebut.

Penutup: Semua masalah boleh diselesaikan kerana hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Semua pihak mestilah berganding bahu bagi aur dengan tebing untuk menangani isu remaja yang merokok kerana mereka merupakan aset yang sangat berharga untuk memajukan negara pada masa depan. Semoga hasrat negara untuk melahirkan remaja yang cergas dan berfikiran positif dapat direalisasikan.

Praktis 3

Idea 1

Huraian: Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara telah termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967.

Contoh/ Bukti: Seksyen 5 Akta DBP 1959 (Disemak 1978) (Akta 213) dan diperluas melalui Akta DBP (Pindaan dan Perluasan) 1995 (Akta A930) pula adalah untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan.

Kesan/ Kesimpulan: Lantaran itu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang oleh Parlimen.

Idea 2

Huraian: Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan matlamat perpaduan kaum dan integrasi nasional terus dipelihara dan diperkukuh.

Contoh/ Bukti: Antaranya kerajaan melaksanakan sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan satu kurikulum kebangsaan untuk semua jenis sekolah serta satu sistem penilaian dan peperiksaan yang seragam.

Kesan/ Kesimpulan: Impaknya, remaja dapat bertutur dalam bahasa kebangsaan dengan fasih dan berkomunikasi dengan kaum-kaum lain dengan lebih mesra setelah tamat alam persekolahan.

Idea 3

Huraian: Pelbagai langkah dengan amalan-amalan yang wajar perlu diambil dan dikekalkan supaya negara bangsa Malaysia terus menikmati keamanan, kemakmuran, dan kesejahteraan pada zaman mendatang.

Contoh/ Bukti: Semua kegiatan yang dijalankan dalam pergaulan, perniagaan, aktiviti badan-badan bukan kerajaan, perlu melibatkan interaksi kaum yang mencerminkan keutuhan hidup bersama-sama.

Kesan/ Kesimpulan: Kebanyakan rakyat sependapat bahawa masyarakat Malaysia yang berbilang kaum sudah pun memahami betapa pentingnya perpaduan dan keadaan muhibah yang sedia ada.

Idea 4

Huraian: Semua kaum boleh merebut kekayaan ekonomi negara asal sahaja bekerja keras dan tidak menindas kaum lain.

Contoh/ Bukti: Kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat perbezaan ekonomi yang agak ketara antara kaum-kaum dan juga antara negeri-negeri di Malaysia.

Kesan/ Kesimpulan: Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan pendekatan untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kaum supaya kekayaan negara dapat dikecapi bersama-sama.

Penutup: Oleh sebab itulah kerajaan mementingkan aspek sosial dan cara hidup seperti pembentukan dan keperibadian bangsa, moral dan etika, kebudayaan kebangsaan dan pembangunan sumber manusia. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh pemimpin dan rakyat jelata sudah tentulah akan dapat merealisasikan sebuah bangsa Malaysia.

Praktis 4

- | | |
|-----------------------|----------------------|
| 1 asyik termenung | 6 mengelak lubang |
| 2 meredah hutan | 7 menggunakan tali |
| 3 sempat beristirahat | 8 bersungguh-sungguh |
| 4 menusuk lembut | 9 berusaha bangun |
| 5 peserta diarahkan | 10 dibendung lagi |

Praktis 5

Idea 1: Seperti juga kita digalakkan menggunakan kereta nasional, kita perlu menghargai seni tempatan yang amat unik dan bernilai. Antara cara untuk menunjukkan sokongan terhadap industri ini adalah dengan membeli dan memakai produk batik atau songket tanpa rasa malu sebaliknya dengan rasa megah.

Idea 2: Oleh yang demikian, ibu bapa perlu terlebih dahulu memakainya supaya anak-anak meneladani mereka. Pakaian tersebut boleh dipakai pada hari-hari biasa atau pada hari perayaan seperti pemakaian baju kurung bermotifkan batik dan sampung daripada songket.

Idea 3: Tuan rumah atau organisasi yang mengadakan sesuatu majlis keraian seperti majlis perkahwinan atau makan malam bolehlah menggunakan tema batik atau songket. Tetamu yang hadir pula digalakkan memakai pakaian mengikut tema yang ditetapkan. Secara tidak langsung, masyarakat dapat menyokong industri batik dan songket ini.

Idea 4: Oleh itu, langkah pihak sekolah berasrama yang menggunakan baju batik sebagai pakaian rasmi asrama amatlah bertepatan dengan usaha ini. Selain itu, guru-guru juga boleh selalu menggayakan pakaian daripada fabrik batik atau songket untuk menarik minat generasi muda terhadap produk ini.

Idea 5: Oleh yang demikian, para pengusaha industri ini harus kreatif dan inovatif untuk menghasilkan produk yang memenuhi trend semasa. Rakyat Malaysia juga diharap kekal menyokong industri batik dan songket agar berkembang dengan jayanya.

Topik

3 Sistem dan Aplikasi Bahasa

Praktis 1 Bentuk Kata

- | | |
|----------------|----------------|
| 1 pilihan raya | 4 bola sepak |
| 2 jalan raya | 5 roti canai |
| 3 Air mata | 6 makmal sains |

Praktis 2 Bentuk Kata

- 1 (i) Lebuhraya: Keadaan **lebuhraya** di Malaysia menjadi bertambah sesak apabila menjelang musim perayaan.
- (ii) Kerjasama: Setiap pekerjaan akan mudah dilaksanakan apabila penduduk kampung menjadikan **kerjasama** sebagai amalan.
- (iii) Memberitahu: Pengetua **memberitahu** semua murid agar bersedia menghadapi peperiksaan akhir tahun yang akan bermula pada hari Isnin minggu depan.
- 2 (i) Sepak raga: Sekumpulan murid bermain **sepak raga** di gelanggang sebelum aktiviti kokurikulum dijalankan.
- (ii) Anak muda: **Anak muda** perlu bersemangat waja untuk mengharungi cabaran hidup yang getir, apatah lagi pada waktu ini sukar untuk mencari pekerjaan.
- (iii) Tengah hari: Pada waktu **tengah hari**, saya akan melepaskan mata sekitar 10 minit ketika rakan-rakan saya berehat.

Praktis 3 Kesalahan Bahasa

- (a)
 - 1 memasuki – memasukkan
 - 2 baiki – membaiki
 - 3 mengarang – dikarang
 - 4 bermain – bermain
 - 5 dicakapkan – bercakap
 - 6 tersebar – sebarkan/ menyebarkan
- (b)
 - 1 saya akan bawa – akan saya bawa
 - iklim – musim
 - 2 menganugerahkan – menganugerahi
 - bergaya – berjaya
 - 3 tertua sekali – tertua/ tua sekali
 - padahal – tetapi

Praktis 4 Kesalahan Bahasa

- 1 (i) di dakwa – didakwa
- (ii) perhatian – pemerhatian
- (iii) tempuh – tempoh
- (iv) berdekatan – terdekat
- (v) lepasan – pelepasan
- (vi) habok – habuk
- 2 (i) budaya – gejala
- (ii) dipulih – dibendung
- (iii) sehingga ke – sehingga
- (iv) adalah – ialah
- (v) di dalam – dalam
- (vi) perihatin – prihatin
- 3 (i) banyak sekolah-sekolah – banyak sekolah
- (ii) pedalaman – pedalaman
- (iii) selesai – tamat
- (iv) Berbagai – Pelbagai
- (v) sediakan – menyediakan
- (vi) memanfaatkan – memanfaatkan

Praktis 5 Kata Ganda Penuh

- | | |
|---------------------|-----------------|
| 1 Murid-murid | 4 apa-apa |
| 2 undang-undang | 5 ajaran-ajaran |
| 3 pengawas-pengawas | 6 Kanak-kanak |

Praktis 6 Kata Ganda Separa

- (a)

1 Lelabu	2 jeriji	3 bebuli
4 kekabu	5 lelabah	6 lelayang
- (b)

1 berangan-angan; awalan	4 turun-temurun; sisipan
2 buah-buahan; akhiran	5 berhati-hati; awalan
3 sehari-harian; apitan	6 Jari-jemari; sisipan

Praktis 7 Kata Ganda Berentak

- | | |
|------------------|-----------------|
| 1 hingar-bingar | 4 segar-bugar |
| 2 lintang-pukang | 5 gerak-geri |
| 3 ulang-alik | 6 porak-peranda |

Praktis 8 Akronim

- 1 taman didikan kanak-kanak
- 2 jentera tolak
- 3 gimnastik berirama

- 4 Pusat Latihan Polis
- 5 Universiti Pendidikan Sultan Idris
- 6 Gabungan Persatuan Penulis Nasional

Praktis 9 Kata Nama Am & Kata Nama Khas

- (a)
- | | |
|-----------|-------------|
| 1 kampung | 4 Bangunan |
| 2 Adik | 5 badminton |
| 3 jalan | 6 Si Tompok |
- (b)
- | | |
|------------------------|-------------------------|
| 1 professor – profesor | 4 Putrajaya – Putrajaya |
| 2 institut – institut | 5 atlit – atlet |
| 3 ibubapa – ibu bapa | 6 apartmen – apartmen |

Praktis 10 Kata Kerja

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 X | 2 ✓ | 3 ✓ | 4 X | 5 ✓ |
| 6 X | 7 X | 8 ✓ | 9 ✓ | 10 ✓ |

Praktis 11 Kata Adjektif

- | | |
|-------------------|-------------------------|
| 1 merah – kuning | 4 seram – sunyi |
| 2 gagah – lemah | 5 kerap – dekat/ hampir |
| 3 panjang – labuh | 6 ngeri – gayat |

Praktis 12 Kata Hubung

- | | |
|---------------------|--------------------|
| 1 manakala – sambil | 4 yang – bahawa |
| 2 agar – untuk | 5 hingga – setelah |
| 3 atau – dan | 6 semoga – tetapi |

Praktis 13 Kata Seru

- | | |
|---------|----------|
| 1 Wah | 4 Hai |
| 2 Amboi | 5 Wahai |
| 3 Cis | 6 Aduhai |

Praktis 14 Kata Tanya

- | | |
|------------|--------------|
| 1 Bilakah | 4 bagaimana |
| 2 Siapakah | 5 siapa |
| 3 apa | 6 Mengapakah |

Praktis 15 Kata Perintah

- | | |
|----------|----------|
| 1 Harap | 4 Jemput |
| 2 Minta | 5 Sila |
| 3 Jangan | 6 Tolong |

Praktis 16 Kata Pangkal Ayat, Kata Pembena & Kata Sandang

- (a)
- | | |
|----------|-----------|
| 1 Maka | 3 Alkisah |
| 2 Adapun | 4 Hatta |
- (b)
- | | |
|---------|--------------|
| 1 betul | 3 Yang |
| 2 Benar | 4 Sang; Sang |

Praktis 17 Kata Bantu

- | | |
|-------------------|------------------------|
| 1 pernah – sedang | 4 pernah – akan |
| 2 telah – akan | 5 belum – hendak/ mahu |
| 3 sedang – mesti | 6 masih – akan |

Praktis 18 Kata Penguat

- | | | |
|----------|-----------|-------------|
| 1 sekali | 2 sekali | 3 terpanjai |
| 4 cantik | 5 teramat | 6 agak |

Praktis 19 Kata Penegas

- | | | |
|----------|---------|--------|
| 1 tah | 2 hanya | 3 juga |
| 4 memang | 5 lah | 6 kah |

Praktis 20 Kata Nafi

- | | | |
|---------|---------|---------|
| 1 tidak | 2 tidak | 3 bukan |
| 4 bukan | 5 bukan | 6 bukan |

Praktis 21 Kata Pemer

2 ; 3 ; 6

Praktis 22 Kata Bilangan

- | | | |
|-------------|------------|--------------|
| 1 beberapa | 2 separuh | 3 pelbagai |
| 4 Kedua-dua | 5 Beberapa | 6 Sebahagian |

Praktis 23 Kata Arah

- | | | |
|-----------|----------|-----------|
| 1 hadapan | 2 antara | 3 pangkal |
| 4 sudut | 5 utara | 6 atas |

Praktis 24 Kata Sendi Nama

- | | | |
|--------|---------|------------|
| 1 pada | 2 untuk | 3 dalam |
| 4 pada | 5 demi | 6 daripada |

Praktis 25 Kata Pascakata

- | | | |
|--------------|------------|---------------|
| 1 Sebenarnya | 2 Sakitnya | 3 Bahawasanya |
| 4 Busuknya | 5 lajunya | 6 nampaknya |

Praktis 26 Frasa

- | | |
|---------------|--------------|
| 1 (i) FN + FA | (iv) FN + FN |
| (ii) FN + FK | (v) FN + FA |
| (iii) FN + FS | (vi) FN + FK |
| 2 (i) FN + FA | (iv) FN + FN |
| (ii) FN + FK | (v) FN + FA |
| (iii) FN + FS | (vi) FN + FS |

Praktis 27 Ayat Majmuk

- 1 (i) Ramai orang beranggapan meminum air sejuk tidak elok kerana air sejuk boleh menyebabkan kegemukan.
- (ii) Badan secara automatik akan meningkatkan suhu air di dalam perut apabila seseorang meminum air sejuk.
- (iii) Meminum air sejuk tidak menyebabkan kegemukan tetapi berpunca daripada kesalahan cara pemakanan seseorang.
- 2 (i) Kulit epal mempunyai khasiat yang tinggi.
- (ii) Khasiat kulit epal lebih tinggi daripada isi buah epal.
- (iii) Kulit epal sangat kaya dengan pelbagai vitamin.
- (iv) Kulit epal tinggi antioksidan.
- (v) Khasiat kulit epal sangat besar kepada kesihatan tubuh badan.
- (vi) Khasiat kulit epal mampu membantu mencegah kanser.

- 3 (i) Hampir seluruh rakyat Malaysia menggemari sate yang ada pelbagai jenis mengikut cita rasa masyarakat.
- (ii) Walaupun Hasma tidak cemerlang dalam pelajaran tetapi dia berjaya dalam perniagaan kedai makannya.
- (iii) Kamu hendak mengikut ayah berjoging atau mengikut ibu pergi ke pasar tani?

Praktis 28 Ayat Penyata

- 1 Pak Cik Hakim memasang kawat pada pagar di kebunnya.
- 2 Beberapa orang pemuda sedang berusaha memadamkan kebakaran belukar.
- 3 Terdapat pelbagai jenis alat muzik dijual di kedai itu.
- 4 Pembalakan telah menyebabkan berlakunya tanah runtuh.
- 5 Jalur Gemilang kecil dipasang pada kenderaan sempena sambutan Bulan Kebangsaan.

Praktis 29 Ayat Tanya

- 1 (i) Kawan awak berasal dari mana?
(ii) Mengapakah baju awak kotor?
(iii) Berapakah harga sepinggan mi goreng itu?
(iv) Ayah awak bekerja sebagai apa?
(v) Apakah tarian yang dipersembahkan oleh murid-murid di atas pentas itu?
(vi) Apakah bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat kastard karamel?
- 2 (i) Di manakah lokasi kilang penyelenggaraan jentera yang menyebabkan berlakunya pencemaran bau?
(ii) Bilakah kilang terbabit beroperasi?
(iii) Apakah kesan akibat pencemaran bau itu?
(iv) Apakah tindakan pihak berkuasa setelah kilang terbabit dikesan beroperasi sejak enam tahun lalu?
(v) Apakah yang dilakukan oleh kilang itu di kawasan premis mereka?
(vi) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa apabila kilang tersebut gagal mengemukakan bukti?

Praktis 30 Ayat Perintah

- | | | |
|-------------------|-----------------|-----------------|
| 1 Ayat suruhan | 2 Ayat silaan | 3 Ayat larangan |
| 4 Ayat permintaan | 5 Ayat larangan | 6 Ayat suruhan |

Praktis 31 Ayat Seruan

- 1 Wah, indah sungguh pemandangan dari atas bukit ini!
- 2 Syabas, ayah sangat bangga akan kejayaan kamu!
- 3 Wahai anak bangsaku, marilah bersama-sama memajukan negara!
- 4 Eh, cepatnya awak sampai ke sini!
- 5 Syukur, kamu semua terselamat dalam kejadian tanah runtuh itu!
- 6 Aduh, peningnya kepalaku berpusing-pusing rasanya!

Praktis 32 Ayat Aktif & Ayat Pasif

- | | | |
|--------|-------|--------|
| 1 AP | 2 AAT | 3 AATT |
| 4 AATT | 5 AAT | 6 AP |

Praktis 33 Ayat Aktif & Ayat Pasif

- 1 (i) Gunung itu kami daki hampir lima jam tanpa berehat.
(ii) Rumput di laman itu mesti kamu potong pada petang besok.

- (iii) Sayur-sayuran dari kebunnya dijual oleh Hamizah di pasar tani.

- 2 (i) Jutawan terkenal memiliki cincin berlian berharga RM 24 juta itu.
(ii) Emak saya menebang pokok rambutan itu kerana terlalu banyak semut.
(iii) Penggunaan komputer telah memudahkan kerja-kerja di pejabat.

Praktis 34 Bahasa Melayu Klasik

- 1 Penjurit; mengalahkan; membunuh; Bukit Cina; Seri Betara
- 2 Raja Benua Siam; Syahrnunwi; Timur; Bubunya; meminta

Praktis 35 Bahasa Melayu Klasik

- 1 Patih hairan. Patih Gajah Mada berfikir dalam hatinya. 'Negeri Melaka itu susah binasa lalu puas hatiku. Seperti berita penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu, jika tidak mati, sudah tentu kalahlah Melaka.'

Setelah dia berfikir, Patih Gajah Mada teringat akan Petala Bumi. Kemudian, Patih Gajah Mada segera menyuruh kepada isteri Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi mencuri ke Daha, sama ada sudah pulang atau belum.

- 2 Orang Patih Gajah Mada pergi menemui isteri Petala Bumi. Ketika itu Kertala Sari sudah pulang dari Daha, terlalu banyak mendapat harta daripada emas, perak, pakaian dan wang berpuluh-puluh juta dan ramai orang yang dicurinya. Setelah Kertala Sari datang ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, "Hai ibu, ke manakah bapaku pergi kerana aku tidak melihatnya?"
- 3 Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam. Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh bersiap untuk menyerang Melaka. Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tidak terkira. Orang mempersembahkan kepada Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam telah menitahkan hulubalanganya, Awi Cakri membawa rakyat yang terlalu banyak berjalan darat terus ke hulu Pahang.
- 4 Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar tersebut, baginda menyuruh mengumpulkan semua rakyat jajahan berhimpun di Melaka. Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isteri sekali. Orang Kelang menghadap Sultan, "Ya tuanku, rakyat jajahan yang lain semuanya menghadap lelaki sahaja, tetapi patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali."

Praktis 36 Peribahasa

- 1 (i) Ibarat mencangkul angin
(ii) Malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan
(iii) Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- 2 (i) Kamil seperti katak kena simbah air (orang yang tidak dapat menjawab sesuatu soalan) apabila disoal siasat oleh polis tentang penyelewengan wang rumah anak-anak yatim.
(ii) Hashim mendapat keuntungan besar dengan hanya bermodalkan RM 1000.00 dalam perniagaan itu seperti aur ditanam, betung yang tumbuh (mendapat laba yang banyak dengan sedikit modal).
(iii) Kematian Lim Goh Tong seperti gajah mati tulang setimbun (orang kaya yang mati banyak meninggalkan)

harta) kerana mendiang merupakan jutawan terkenal di Malaysia.

- 3 (i) burung diam dalam sangkar
- (ii) zaman beralih musim bertukar
- (iii) berdiri sama tinggi, duduk sama rendah
- 4 (i) seperti kaca terhempas ke batu; hati yang hancur kerana duka cita/sangat kecewa
- (ii) di mana ada kemahuan, di situ ada jalan; seseorang yang mengejar sesuatu impian akan berusaha mencapainya.

PRAKTIS PERSEDIAAN SPM

Praktis 1

Soalan 1

- (i) Pak Cik Kamil **menjalankan** perniagaan menjual nasi lemak di hadapan rumahnya untuk mengisi masa yang terluang.
- (ii) Pemuda itu **mengaut** anak-anak ikan yang dipancingnya, kemudian dimasukkan ke dalam baldi yang sudah terisi air.
- (iii) Tidak ramai murid yang **berani** bertemu dengan Cikgu Sufaat kerana beliau guru disiplin yang tegas dan garang.
- (iv) Orang yang berjiwa **cekal** akan menganggap setiap halangan sebagai cabaran untuk terus berusaha sehingga berjaya.

Soalan 2

Sarah memberitahu Adilah bahawa dia akan berangkat ke Kuala Terengganu pada petang itu. Adilah bertanya Sarah tempoh dia akan berada di sana. Sarah mengatakan bahawa dia akan berada di sana selama seminggu jika tugasnya dapat disiapkan tetapi jika kerjanya tidak selesai mungkin akan berlanjutan seminggu lagi. Adilah menasihati Sarah agar memandu kereta dengan berhati-hati kerana ketika itu musim hujan. Sarah meminta Adilah supaya tidak risau kerana dia seorang pemandu yang berhemah. Adilah turut mengingatkan Sarah agar menelefonnya apabila dia telah sampai di tempat kerjanya itu.

Soalan 3

- 1 baru – baharu
- 2 dikenalpasti – dikenal pasti
- 3 dari – daripada
- 4 hadapan – berhadapan
- 5 menyeberangi – melalui
- 6 pelusuk – pelosok
- 7 baik – ketat
- 8 mewartakan – mengumumkan
- 9 bagaimana pun – bagaimanapun
- 10 disekat – menyekat
- 11 mencatatkan – mencatatkan

Soalan 4

Oleh ibunya, segala hal ehwal dari awal hingga akhir diceritakan kepada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu, Kertala Sari terlalu marah. “Cis, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa mengendahkan lakunya. Negeri Melaka habis aku musnahkan. Jika tidak aku buat demikian, bukan aku anak perajurit yang berani dan licik.”

Soalan 5

- (i) alah membeli menang memakai
- (ii) bagaimana acuan, begitulah kuihnya.

Praktis 2

Soalan 1

- (i) **Warganegara** Malaysia perlu menguasai bahasa Melayu dengan fasih dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.
- (ii) Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah mampu membentuk **jati diri** dan semangat patriotik.
- (iii) Setiap murid mempunyai **tanggungjawab** menjaga kebersihan kelas agar suasana pembelajaran akan menjadi lebih selesa.
- (iv) Setiap **kakitangan** kerajaan perlu menjalankan amanah yang ditetapkan oleh ketua jabatan masing-masing.

Soalan 2

- 1 Apakah yang akan diadakan oleh Angkatan Tentera Malaysia sempena sambutan Hari Angkatan Tentera?
- 2 Bilakah tarikh sambutan itu?
- 3 Di manakah sambutan akan diadakan?
- 4 Apakah tema sambutan tersebut?
- 5 Apakah tujuan diadakan majlis tersebut?
- 6 Siapakah tetamu kehormat dalam majlis tersebut?

Soalan 3

Petikan 1

- 1 manfaat – manfaat
- 2 jangkamasa – jangka masa
- 3 melegakan – melambatkan
- 4 cergas – aktif
- 5 meransang – merangsang
- 6 dikuatkan – menguatkan

Petikan 2

- 1 himpunan buku-buku – himpunan buku
- 2 fesyen – fiksiyen
- 3 ramai orang – orang ramai
- 4 tegang – tenang
- 5 mengulangkaji – mengulang kaji

Soalan 4

Seri Amerta asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya. Disebabkan dia cerdik dan pandai berkata-kata, dijadikan oleh baginda sebagai pesuruh raja dengan gelaran Seri Amerta. Dibuatkan oleh baginda sebuah bangku tebal diletakkan di bawah lutut baginda. Di situlah dia memikul pedang dan dialah yang menyampaikan titah raja tentang sesuatu perkara.

Soalan 5

- (i) Penduduk Taman Candana hidup bagai aur dengan tebing dalam hal-hal yang melibatkan kemasyarakatan.
- (ii) Lin Dan ingin mencuba nasib dengan menjadi pemain bola sepak kelab antarabangsa di luar negara kerana baginya untung sabut timbul, untung batu tenggelam.

Praktis 3

Soalan 1

- (i) Kebanyakan umat Islam akan memasang lampu yang **berwarna-warni** di halaman rumah apabila menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

- (ii) **Dahan-dahan** pokok yang tumbang dan menghalang lalu lintas telah dibersihkan oleh pihak berkuasa tempatan setelah menerima aduan daripada orang ramai.
- (iii) Dua orang remaja dari bandar itu **berjalan-jalan** di atas permatang sambil melihat beberapa orang penduduk kampung mengerjakan sawah.
- (iv) **Layang-layang** yang terputus talinya itu terbang melayang sebelum tersangkut pada dahan pokok kemboja.

Soalan 2

- (i) Kos melancong di luar negara mahal tetapi melancong di dalam negara lebih murah malahan dapat membantu ekonomi negara berkembang kerana banyak pekerjaan dapat diwujudkan.
- (ii) Kebanyakan rakyat Malaysia suka dan berasa bangga pergi bercuti ke luar negara sedangkan pelancong asing suka datang ke negara kita.
- (iii) Mereka memuji keindahan negara kita yang kaya dengan flora dan pelbagai spesies fauna.

Soalan 3

Petikan 1

- 1 afektif – efektif
- 2 para penyelidik-penyelidik – para penyelidik
- 3 dirawat – merawat
- 4 pengawit – pengawet
- 5 oleh kerana – oleh sebab
- 6 beramal – mengamalkan

Petikan 2

- 1 merealisasikan – mengaplikasikan
- 2 di dalam – dalam
- 3 peperiksaan – pemeriksaan
- 4 agar supaya – agar/supaya
- 5 taraf – tahap

Soalan 4

Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan dengan diiringkan oleh orang itu.

Setelah sampai kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari duduk menyembah. Patih Gajah Mada berkata, “Hai anakku Kertala Sari, tujuan aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, ‘Jangan tidak dikasihi anakku ini,’ kerana bapamu sudah mati atas tugas Seri Betara. Sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.”

Soalan 5

- (i) Jika orang yang rapat dengan kita mendapat kesusahan, kita turut merasa susah.
- (ii) Orang yang lemah tidak berdaya melawan orang yang kuat.

Praktis 4

Soalan 1

- (i) Amalan bertolak ansur **dan** saling memahami akan mengeratkan hubungan kita dengan jiran tetangga.
- (ii) Peserta seminar itu memberikan tepukan gemuruh kepada Dr. Hanafi setelah beliau mengemukakan hujah-hujah **yang** begitu bernas.
- (iii) Nelayan itu membawa baju hujan **serta** makanan secukupnya sebelum turun ke laut untuk mencari rezeki.
- (iv) Masyarakat perlu mengamalkan penjarakan fizikal **agar** penyakit berjangkit seperti COVID-19 dapat dibendung.

Soalan 2

- (i) Ayat (1) Ayat susunan songsang; Ayat (2) Ayat majmuk; Ayat (4) Ayat aktif
- (ii) Pesta makan durian diadakan apabila tiba musim durian. Ramai orang suka makan buah durian sungguhpun buah durian kuat baunya.
- (iii) Isi buah durian boleh anda campurkan dalam pelbagai jenis masakan.

Soalan 3

Petikan 1

- 1 Masaalah – Masalah
- 2 masa ke semasa – semasa ke semasa
- 3 mengenai tentang – mengenai/ tentang
- 4 masa kini – masa ini
- 5 di kalangan – dalam kalangan
- 6 meragukan – membimbangkan

Petikan 2

- 1 dipahat – terpahat
- 2 dibebas – dibebaskan
- 3 resmi – rasmi
- 4 frasa – fasa
- 5 beberapa faktor-fakto – beberapa faktor

Soalan 4

Pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah bersama-sama orang ramai. Kata pesuruh raja yang bernama Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, semua orang Kelang menghadap baginda mengadukan halnya kepada Duli Yang Dipertuan. Orang tanah jajahan yang lain semuanya menghadap lelaki juga, tetapi orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah demikian perangai tuan?”

Soalan 5

- (i) Bagai bertepuk sebelah tangan
- (ii) Dapat dihitung dengan jari

Praktis 5

Soalan 1

- (i) Dia tetap berasa gembira walaupun memperoleh tempat **kedua** dalam pertandingan pidato kerana percubaan pertama yang dilakukannya telah membuahkan kejayaan.
- (ii) **Sebahagian** daripada murid yang mengalami cirit-birit telah dihantar ke klinik kesihatan oleh ahli keluarga dan guru.
- (iii) Beliau telah mencurahkan **segala** ilmu yang dimilikinya kepada anak buahnya sepanjang kursus di Putrajaya.
- (iv) Semua murid yang hendak mengikuti program cuti sekolah perlu mendapatkan keizinan daripada ibu bapa atau penjaga **masing-masing**.

Soalan 2

- (i) Subjek: Harga saham syarikat itu
Predikat: telah jatuh merudum dua hari selepas disenaraikan di bursa saham
- (ii) Subjek: Majalah Betik
Predikat: amat digemari oleh golongan remaja sekolah
- (iii) Subjek: Presiden Amerika Syarikat
Predikat: mengakui tenteranya terlibat secara tidak langsung menggulingkan kerajaan Mesir

Soalan 3

- 1 adalah – ialah
- 2 dalam – di
- 3 kelahiran – pembentukan
- 4 founa – fauna
- 5 beza – berbeza
- 6 pendalaman – pedalaman
- 7 klasik – tradisional
- 8 amat sangat – amat/ sangat
- 9 ditunggu – didiami
- 10 kebanyakan – kebanyakan
- 11 berjauhan – berhampiran

Soalan 4

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian, beliau terlalu gembira lalu dijamunya makan minum dan bersuka ria serta diberikannya pakaian.

Setelah selesai, Kertala Sari dibawa masuk menghadap Seri Betara. Patih Gajah Mada menyembah, “Penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuh-tujuhnya.”

Soalan 5

- (i) belum duduk sudah berlunjur
- (ii) sudah jatuh ditimpa tangga

Praktis 6**Soalan 1**

- (i) Murid-murid dilarang **menyebarkan** soalan peperiksaan kepada rakan-rakan yang tidak hadir pada hari peperiksaan.
- (ii) Mahasiswa perlu **menyelidik** bahan yang diperolehi daripada kerja lapangan untuk menghasilkan dapatan kajian yang menyeluruh dan meyakinkan.
- (iii) Kerja-kerja mencetak bahan seminar itu perlu dilakukan dengan **cepat** kerana masa tinggal sehari sahaja sebelum seminar berlangsung.
- (iv) Halim dan pasukannya berjaya menghasilkan satu prototaip yang **canggih** untuk produk baharu syarikatnya.

Soalan 2

- (i) FN + FN: “Gambar Mona Lisa” (FN) “lukisan Leonardo da Vinci” (FN)
- (ii) FN + FK: “Beberapa orang” (FN) “sedang menanam sayur di kebun” (FK)
- (iii) FN + FA: “Kucing adik” (FN) “pandai bermain bola” (FA)
- (iv) FN + FS: “Pelancong-pelancong Jerman” (FN) “ke Melaka untuk makan durian” (FS)

Soalan 3

Petikan 1

- 1 analisa – analisis
- 2 di dalam – dalam
- 3 sain – sains
- 4 dekat – dekad
- 5 sekali tinggi – tinggi sekali
- 6 genetik maklumat – maklumat genetik

Petikan 2

- 1 pertubuhan – penubuhan
- 2 terpaksa kita – kita terpaksa
- 3 bila – bila-bila
- 4 aktiviti – situasi/fenomena
- 5 di antara – antara

Petikan 4

Tidak disahut oleh Tun Perak kata-kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tidak disahut oleh Tun Perak. Cukup tiga kali Seri Amerta berkata, barulah disahut oleh Tun Perak. Katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebelah itu juga, hendaklah dijaga dengan baik. Jangan sampai berkarat. Jangan tumpul matanya.”

Soalan 5

- (i) Kedudukan negara Greece sekarang bagai telur di hujung tanduk (berada dalam keadaan yang sulit) kerana hutang negaranya terlalu tinggi sehingga gagal membayar balik hutang negaranya.
- (ii) Haniza dan suaminya tidak pernah berjauhan sejak mereka berkahwin, keadaan mereka bagai dakwat dengan kertas. (tidak pernah bercerai/ berjauhan)

Topik**4****Pemahaman [Petikan Umum]****Praktis 1**

- (i) sandaran masyarakat.
- (ii) memikirkan secara mendalam sebelum berkongsi sesuatu maklumat dalam media sosial; terhadap apa-apa sahaja perkongsian.
- (iii) banyak aktiviti berfaedah seperti mengulang kaji pelajaran, beriadah dan membantu keluarga melakukan kerja rumah akan terganggu. Seterusnya, badan mereka menjadi kurang sihat kerana kurang bergerak yang boleh menyebabkan obesiti serta mata menjadi rabun.
- (iv) Langkah yang perlu diambil ialah rakan saya perlu membuat video permohonan maaf dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi. Sekiranya isu yang tersebar boleh menyentuh aib seseorang, dia perlu berjumpa orang berkenaan dan memohon maaf. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Praktis 2

- (i) menurunkan pertambahan.
- (ii) Peningkatan kadar pengangguran berlaku kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan masyarakat tidak dapat bekerja. Selain itu, golongan siswazah tidak pandai merebut peluang kerana kurang memiliki kemahiran bekerja.
- (iii) Perkara yang patut dilakukan oleh golongan belia ialah mereka sepatutnya melakukan apa-apa sahaja pekerjaan yang halal untuk menimba pengalaman seperti perniagaan dalam talian. Selain itu, mereka perlu mencipta pekerjaan berdasarkan ilmu dan persekitaran seperti mengusahakan pertanian apabila terdapat tanah yang boleh diusahakan.
- (iv) Sebagai ketua kampung, saya mengajak mereka memanfaatkan gelanggang dan padang di kampung untuk aktiviti riadah. Saya juga akan mengupah mereka melakukan kerja-kerja membersihkan kawasan kampung seperti membersihkan parit dengan kadar upah yang agak lumayan. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Praktis 3

- (i) kaedah melindungi.
- (ii) Makanan sihat ialah makanan yang mengandungi kombinasi pelbagai jenis hidangan berdasarkan piramid makanan yang boleh membekalkan semua zat diperlukan tubuh. Seterusnya, pengambilan makanan yang pelbagai dan seimbang yang memberikan gabungan tenaga dan zat-zat makanan yang berbeza untuk membantu menjaga kesihatan.
- (iii) Seseorang itu boleh mengalami demam yang berulang kerana mereka bergantung pada ubat semata-mata tanpa berusaha menjaga kesihatan diri menerusi pemakanan dan riadah. Seterusnya, keadaan ini juga berlaku apabila sistem imun badan seseorang itu lemah disebabkan masalah kesihatan tertentu seperti kurang zat makanan.
- (iv) Sebagai rakan yang prihatin saya akan mencadangkannya supaya makan secara Suku Suku Separuh mengikut Pinggan Sihat Malaysia seperti saranan Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan berat badan yang ideal. Selain itu, saya akan mengajaknya bersenam bersama-sama pada setiap hari supaya tubuh lebih sihat. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Praktis 4

- (i) perkara panas yang dibincangkan.
- (ii) Belia tidak minat bekerja di sektor pertanian kerana mereka lebih suka bekerja di tempat berhawa dingin walaupun bergaji kecil. Seterusnya, belia beranggapan sektor pertanian tidak memberikan pulangan yang lumayan seperti sektor lain.
- (iii) Sekiranya kerajaan hanya bergantung pada hasil pertanian import, negara kita akan menghadapi kekurangan makanan apabila negara pengeluar mengalami krisis lalu menghentikan kerjasama perdagangan. Selain itu, usaha kerajaan untuk mengurangkan pengangguran tidak berjaya kerana sektor pertanian telah terbukti membuka peluang yang luas dalam bidang pekerjaan.
- (iv) Sebagai rakan, saya akan menggalakkan dia mengikuti kursus berkaitan dengan bidang tersebut serta kerap berhubung dengan pegawai MARDI dan Jabatan Pertanian. Selain itu, saya akan membantunya mencari tanah yang sesuai, dan menjadi rakan kongsi untuk sama-sama terlibat secara serius dalam sektor pertanian. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Praktis 5

- (i) berkaitan dasar.
- (ii) Tujuan kerajaan menggalakkan penubuhan koperasi sekolah kerana mahu mengukuhkan gerakan koperasi sekolah agar lebih mampan dan berdaya saing. Seterusnya, tujuannya untuk mendidik murid terlibat secara langsung dalam dunia perniagaan.
- (iii) Murid kurang menyokong koperasi sekolah kerana tidak banyak pilihan bagi sesuatu barang yang dijual menyebabkan murid tidak berminat untuk membeli barangan di koperasi. Selain itu, kini terdapat banyak kedai harga patut dibuka yang menjual barangan dengan harga yang lebih murah menyebabkan murid memilih untuk membeli di situ.
- (iv) Antara usaha yang kami lakukan adalah dengan mengadakan kempen secara besar-besaran untuk

menerangkan produk dan tawaran menarik dilakukan oleh koperasi. Seterusnya, sesekali koperasi mengadakan karnival dengan mengadakan pelbagai aktiviti menarik seperti cabutan hadiah untuk pembeli bertuah. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Praktis 6

- (i) mengharapakan tumpuan.
- (ii) Remaja membuang bayi kerana tidak mendapat kasih sayang daripada keluarga. Selain itu, remaja yang terlanjur dan hamil selalunya melakukan tindakan terburu-buru dengan membuang bayi yang dilahirkan.
- (iii) Remaja tersebut sanggup membuang bayi yang dilahirkan kerana mahu menutup malu daripada pandangan masyarakat terhadap diri dan keluarga, apatah lagi keluarga tidak menerima kelahiran bayi tersebut. Selain itu, teman lelaki yang menyebabkan kehamilan tersebut tidak mahu bertanggungjawab dan menghilangkan diri.
- (iv) Sebagai kawan, saya akan menasihatinya supaya tidak menghadiri parti tersebut dengan menyenaraikan keburukan yang mungkin berlaku seperti pergaulan bebas, minuman keras dan penyalahgunaan dadah. Selain itu, saya akan menyuruhnya memikirkan kesan daripada tindakannya nanti terhadap nama baiknya dan juga keluarganya. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Topik

5

Pemahaman [Petikan Sastera]

Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

Praktis 1

- (i) menepis tuduhan
- (ii) yang terlepas ke tangan raja; mempertahankan maruah diri dan negara; guru dengan menuntut ilmu tanpa jemu. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]
- (iii) sesuatu karya dianggap berkualiti sekiranya berjaya menyuntik kesedaran dan seterusnya mengubah cara berfikir pembaca.
- (iv) Kemudian, saya bersama-sama wakil penduduk akan menemui remaja tersebut untuk menasihati mereka agar pulang ke rumah dan mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah. Seterusnya, saya mencadangkan agar persatuan penduduk mencari dana untuk membina gelanggang yang sesuai supaya golongan remaja boleh memanfaatkan masa dengan beriadah seperti bermain futsal. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

Praktis 2

- (i) memanggil/menjemput gelisah.
- (ii) nilai tradisi dan berlaku pemisahan puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah; Latihan Khidmat Negara
- (iii) Penjajahan ekonomi pula ialah keinginan kuasa besar menguasai ekonomi dunia menerusi sistem kapitalis dan tekanan berterusan terhadap negara-negara lain menerusi perjanjian perdagangan yang berat sebelah.

- (iv) masyarakat lebih mengutamakan barangan import yang mewah daripada barangan keluaran tempatan. Selain itu, cara hidup masyarakat yang kebaratan dengan berpakaian mencolok mata dan berkelakuan sumbang yang bertentangan dengan budaya timur dan Islam. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

Praktis 3

- (i) menempuh akar (halangan).
 (ii) yang mengabaikan rakyat akan disumpah masyarakat sepanjang hayat. Manakala menerusi Bahan 2, polis Turki menggunakan kuasa dan kekerasan untuk menangkap remaja yang menjual barang di pasaran gelap. Bahan 3 pula, gembala yang berkuasa terhadap kuda-kudanya mahu menyelamatkan maruah, berjuang atas kebenaran untuk menentang segala kebobrokan. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]
 (iii) masyarakat perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi memudahkan pihak berkuasa menjalankan tanggungjawab mereka. Masyarakat juga perlu membantu pihak berkuasa membanteras jenayah dengan melaporkan kepincangan dan jenayah yang berlaku di sekeliling masyarakat.
 (iv) Apabila berada di negara asing, saya akan mematuhi undang-undang negara tersebut dengan mengelakkan diri daripada melakukan jenayah. Seterusnya, saya akan berhemah dalam berkomunikasi dan menjaga tingkah laku kerana segala perbuatan saya akan memberikan imej kepada negara. Saya tidak akan melakukan perkara yang mencurigakan agar tingkah laku saya tidak akan disalah tafsir. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

Praktis 4

- (i) mendapat kesusahan.
 (ii) sultan digambarkan meninggalkan takhta kerajaan. Seterusnya, menerusi Bahan 3, perlu beramal untuk mencari pahala apabila sudah tua. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]
 (iii) Anak tidak mampu menjaga ibu yang sudah tua kerana mereka lebih mengutamakan kerjaya yang memerlukan komitmen seawal pagi hingga malam. Keadaan ditambah lagi dengan jarak rumah ibu di kampung halaman sedangkan tempat tinggal anak di kota besar yang jauh dan memakan masa untuk pulang.
 (iv) Saya akan mencadangkan supaya diadakan persembahan nyanyian lagu-lagu tahun 1950-an dan 1960-an agar mereka dapat mengimbau zaman muda serta dapat melupakan kesedihan. Selain itu, makanan tradisional yang sesuai dengan selera warga emas di sana juga akan dihidangkan. Ahli persatuan juga perlu menyantuni warga emas dengan sopan dan penuh kasih sayang agar warga emas di situ rasa dihargai. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

Praktis 5

- (i) pemikiran sihat.
 (ii) denyut nadi utama yang penting bagi pemikiran manusia kerana mempunyai kelebihan yang luar biasa dan sarat dengan ilmu. Manakala menerusi Bahan 2, buku menyimpan jutaan maklumat, fakta, ilmu, cereka hiburan

dan bangsa membaca bangsa berjaya. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

- (iii) penulis kreatif dan penulis buku ilmiah tidak berminat untuk menghasilkan karya mereka lantas menyebabkan tiada karya baharu yang bercetak di pasaran. Seterusnya, masyarakat lebih berdedah dengan bahan bermutu rendah dari aspek kandungan dan bahasa menyebabkan pengetahuan masyarakat tidak bertambah.
 (iv) Sebaik-baik sahaja saya dilantik sebagai penyelaras penerbitan karya kreatif, saya membentuk ahli jawatankuasa seperti bahagian publisiti, penyuntingan karya, dana dan urusan penerbitan. Seterusnya saya menghebahkannya di perhimpunan rasmi sekolah dengan meminta rakan-rakan menghantar karya kreatif asli berbentuk cerpen dan sajak. Saya meminta guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu memaklumkan dengan terperinci kepada murid-murid yang berminat untuk mengambil bahagian. [Dua idea dengan ayat yang lengkap memperoleh markah maksimum.]

Sejadah Rindu

Praktis 1

- (i) asal kesedaran.
 (ii) keinsafan terhadap pengorbanan ibu yang telah melahirkan dan membesarkan anak-anak. Seorang ibu sanggup menahan derita siang dan malam demi anak-anaknya. Selain itu, kerediaan terhadap ketentuan Tuhan terhadap ibu yang telah tua.
 (iii) menyayangi ibu bapa dengan menggembirakan hati mereka dan mentaati perintah mereka. Selain itu, kita perlu membantu ibu bapa melakukan kerja-kerja rumah bagi meringankan beban mereka. Di samping itu, kita hendaklah sentiasa mendoakan kesejahteraan ibu bapa.
 (iv) saya akan menghubungi pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat agar mereka dapat memberikan tempat tinggal kepada warga emas tersebut. Selain itu, saya akan membelikan makanan dan beberapa barangan keperluan asas kepadanya. Seterusnya, saya akan menziarahinya sekiranya dia ditempatkan di rumah orang-orang tua.

Praktis 2

- (i) semua unsur/ faktor
 (ii) ilmu pengetahuan sangat penting untuk menempuh pelbagai cabaran dalam kehidupan oleh itu ilmu perlu dipelajari dan disemat di dada. Seterusnya, akal kebijaksanaan dalam berfikir dapat membantu kita untuk menjalani kehidupan yang baik.
 (iii) remaja perlu memiliki bekalan ilmu agama yang mencukupi agar dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Selain itu, remaja perlu membekalkan diri dengan pelbagai kemahiran bagi memudahkan mereka hidup secara berdikari di samping mempelajari ilmu mempertahankan diri demi menjaga keselamatan diri.
 (iv) selalu bertegur sapa sesama jiran tetangga dan bertukar-tukar makanan untuk menjalankan kemesraan. Selain itu, saya akan berbincang dengan persatuan penduduk untuk mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan dan mengadakan hari keluarga atau sukaneka supaya hubungan antara jiran bertambah erat.

Praktis 3

- (i) cercaan dan seksaan.
- (ii) Doktor Murni mengajak Nusia untuk menderma dua pek darah bagi menyelamatkan semua pesakit yang koma di Unit Rawatan Rapi. Menerusi Bahan 2, Pelakon I mengajak pak cik dan mak cik membantu Azmir dengan memberikan perhatian, kasih sayang, semangat dan perangsang. Manakala Bahan 3 pula, emak Si Randang bermurah hati menyediakan makanan apabila orang asing lalu di depan rumahnya.
- (iii) kita dapat menyelamatkan nyawa orang lain yang kehilangan darah akibat kemalangan atau pesakit yang memerlukan darah agar mereka dapat hidup lebih lama. Selain itu, badan kita juga menjadi lebih sihat dengan menderma darah kerana badan kita akan menggantikan sel-sel darah baharu sekali gus mengekalkan kecergasan.
- (iv) saya akan menjadi tempat dia meluahkan perasaan agar dia merasa lebih tenang apabila masalahnya didengar dan memberikan kata-kata semangat kepadanya. Kemudian saya akan membawanya berjumpa dengan kaunselor supaya dia mendapat bantuan daripada pakar untuk mengatasi tekanan yang dihadapi. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Praktis 4

- (i) penuh kesilapan.
- (ii) penyajak mengharapkan keinsafan hadir dalam diri anak-anaknya sama ada anak-anaknya setia mahupun derhaka. Menerusi Bahan 2, Aiman mendengar suara ghaib yang mengajaknya mendekati diri kepada Ilahi dan melarangnya merosakkan habitat semula jadi di bumi. Seterusnya menerusi Bahan 3, penyajak mengharapkan pintu taubat akan tiba sebelum berlakunya kematian.
- (iii) memberikan perhatian terhadap nasihat yang disampaikan oleh ibu bapa walaupun ada yang bertentangan dengan kehendak hati kerana ibu bapa lebih berpengalaman dalam hidup. Selain itu, anak perlu sentiasa melibatkan ibu bapa untuk berkongsi masalah dan meminta pandangan ibu bapa supaya ibu bapa rasa dihargai serta dihormati.
- (iv) menasihatinya supaya menjaga ibunya dengan baik di rumah sendiri kerana bakti anak kepada ibu bapa akan mendapat ganjaran pahala daripada Tuhan. Selain itu, saya akan memintanya mengingat kembali pengorbanan ibunya membesarkan dia agar timbul keinsafan dalam dirinya lantas berusaha menjaga ibunya dengan sebaik mungkin. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Praktis 5

- (i) susunan/ baris kata.
- (ii) penyair berdoa agar dia menjadi manusia yang taat akan perintah Tuhan kerana dunia hanya sementara. Berdasarkan Bahan 2, tukang dan utas yang taat akan perintah raja bekerja siang dan malam untuk menyiapkan istana raja.
- (iii) pemimpin yang sentiasa menghargai dan berterima kasih kepada orang bawahannya yang telah melakukan kerja untuknya. Selain itu, pemimpin yang selalu membantu orang bawahannya akan disenangi dan mudah untuk mendapat kerjasama sebagai tanda membalas jasa.
- (iv) saya terlebih dahulu akan memberikan contoh yang baik menerusi tingkah laku yang berintegriti dan berdisiplin

supaya murid lain akan mengikut teladan yang saya tunjukkan dan menghormati saya. Seterusnya, saya akan bertegas kepada murid-murid yang bermasalah disiplin supaya mereka menghormati saya seterusnya memberikan kerjasama dengan baik. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Topik

6 Pemahaman [Novel]

Soalan (i) Pefikan Novel

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Praktis 1

yang diberikan oleh Karim; tidak melanggar undang-undang dan hukum agama; tempayan boleh ditutup tetapi tidak bagi mulut manusia

Praktis 2

dengan menghebahkan bahawa serangan akan dilakukan melalui Singapura bagi mengelirukan musuh agar askar British bertumpu di Singapura. Seterusnya, pihak Jepun mengirim ramai perisik ke Tanah Melayu bagi memberitahu penduduk tempatan bahawa askar Jepun datang untuk membebaskan negara daripada penjajahan British. Jepun juga menabur janji kemerdekaan dengan semboyan “Asia untuk orang Asia” agar penduduk Tanah Melayu menerima kedatangan mereka.

TIRANI

Praktis 1

selesai mengatur rangka, kulit pun dilitupi semula di atasnya. Pembedahan tersebut akan selesai dalam tempoh dua hingga tiga jam jika tiada komplikasi lain.

Praktis 2

berasa rimas duduk sahaja dalam tempoh dua minggu. Selain itu, dia berasa runsing memikirkan orang yang berada di Tajau Emas. Akhir sekali, hal yang berkaitan dengan anak gadisnya, Waheeda telah selesai.

Soalan (ii) Sastera Tulen

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Sinopsis

- 1 Sekolah Melayu Sungai Ramal
- 2 Port Dickson
- 3 Singapura
- 4 Sarjan
- 5 Pasir Panjang
- 6 Asia Tenggara
- 7 Bukit Candu
- 8 Ops Matador
- 9 Kapten Rix
- 10 tentera Jepun

TIRANI

Sinopsis

- 1 Tajau Emas
- 2 monyet Belanda
- 3 Singapura

- 4 Doktor Alma Chen
- 5 hidung dan mata
- 6 Pegawai Perhubungan
- 7 Ratu Pelancongan Antarabangsa
- 8 berhenti kerja
- 9 Melayu Sarawak
- 10 Hospital Pakar Normah
- 11 DNA
- 12 khidmat kaunseling
- 13 Cameron Highlands
- 14 meminta maaf

Praktis 1

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa:

Nilai kasih sayang isteri terhadap suami. Sophia menangis sewaktu menghantar suaminya, Leftenan Adnan di stesen kereta api kerana suaminya mahu pulang bertugas di Pasir Panjang, Singapura.

Novel Tirani:

Nilai kasih sayang ibu terhadap anak. Raidah menaiki penerbangan ke Singapura seorang diri kerana mahu menemani Waheeda yang bakal menjalani pembedahan pada wajahnya.

Praktis 2

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa:

- Pertentangan antara ibu dengan anak dalam menentukan cita-cita. Mak Milah menentang hasrat anaknya, Adnan yang ingin menjadi askar sejak kecil kerana kerjaya itu penuh risiko. Mak Milah ingin Adnan menjadi guru.
- Penentangan terhadap penjajah yang ingin menguasai negara. Leftenan Adnan menghadapi kemaraan tentera Jepun yang ingin menawan Bukit Candu hingga terpaksa mengorbankan ramai askar Melayu, termasuklah dirinya.

Novel Tirani:

- Menghadapi penghinaan orang terhadap kekurangan diri. Waheeda yang sejak kecil mempunyai hidung pesek, mata sepet dan wajah berjerawat telah diejek oleh Mat Gusi dan kawan-kawannya.
- Keretakan hubungan rumah tangga. Waheeda menghadapi konflik apabila suaminya, Zahid tidak pulang ke rumah kerana menuduhnya curang hingga mengandungkan Izzati.

Praktis 3

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa:

- Seorang pemuda telah masuk ke dalam hutan dan bertemu dengan tentera Jepun di dalam sebuah rumah usang. Peristiwa ini menimbulkan perasaan berdebar-debar kerana pembaca ingin mengetahui orang yang bersubahat dengan tentera Jepun.
- Leftenan Adnan ditangkap oleh tentera Jepun yang telah dapat menawan Bukit Candu. Peristiwa ini menimbulkan perasaan berdebar-debar kerana pembaca ingin tahu nasib Leftenan Adnan sama ada diseksa atau dibunuh.

Novel Tirani:

- Waheeda telah diserang oleh monyet putih hingga berdarah ketika dia berlari ke arah bunyi riuh-rendah di belakang Chalet Tajau Emas. Peristiwa ini menimbulkan perasaan berdebar-debar kerana pembaca ingin mengetahui keselamatannya.
- Tunang Waheeda, Zahid yang tiba di Silikon Centre telah melihat Dr. Rushdi memegang tangan Waheeda. Peristiwa

ini menimbulkan perasaan berdebar-debar kerana pembaca ingin mengetahui tindakan Zahid selepas melihat kejadian itu.

Praktis 4

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa:

- Peristiwa Pak Saidi akhirnya berjaya membunuh tentera Jepun dengan keris pusaka yang ditinggalkan oleh ayahnya. Pak Saidi juga ingin membalas dendam atas kematian anaknya.
- Peristiwa ini menyentuh hati kerana saya kagum akan semangat patriotik dan keberanian Pak Saidi yang sanggup berjuang mempertahankan maruah negara dan keluarganya.

Novel Tirani:

- Peristiwa Zahid menyesal dan meminta maaf kepada Waheeda kerana menuduhnya curang dan tidak mengakui anak yang dilahirkannya. Izzati juga memujuk ibunya agar memaafkan ayah kandungnya itu.
- Peristiwa ini menyentuh hati saya kerana Zahid akhirnya menyesali perbuatannya dan meminta maaf kepada isteri dan anak yang ditinggalkannya.

Praktis 5

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa:

- Penduduk kampung bekerjasama menyembunyikan Sophia dan anaknya daripada ditangkap oleh tentera Jepun. Hal ini demikian kerana mereka bimbang Sophia dan anak-anaknya akan dcederakan oleh tentera Jepun yang sedang mencari waris keluarga Leftenan Adnan untuk membalas dendam.
- Penduduk Kampung Bukit Candu bekerjasama menguburkan jenazah askar Melayu yang terkorban dalam pertempuran di Bukit Candu walaupun mayat mereka ditemui dalam keadaan yang amat menyedihkan.

Novel Tirani:

- Peristiwa masyarakat Kampung Matang yang bekerjasama menguruskan majlis perkahwinan Waheeda dengan Zahid menjadi satu majlis yang gilang-gemilang.
- Peristiwa doktor bekerjasama dan berganding bahu menjalankan proses pembedahan dan rawatan Waheeda. Pembedahan matanya diketuai oleh Dr. Shirrim Ghazizadeh, manakala pembedahan hidungnya diketuai oleh Dr. Averroes.

Topik 7 Rumusan

Praktis 1

Pendahuluan

mengamalkan gaya hidup sihat; corak pemakanan

Fokus 1

- S1 Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)
- S2 Komuniti Sihat Pembina Negara di seluruh negara
- S3 Kempen Gaya Hidup Sihat
- S4 promosi kesihatan
- S5 tip pemakanan sihat

Fokus 2

- S7 makan berlebihan-lebihan
- S8 pilih makanan yang selamat dimakan
- S9 makan buah dan sayur
- S10 pilihlah makanan yang berkhasiat

Penutup

badan kita sentiasa sihat untuk menjalani kehidupan yang bermakna

Praktis 2

Pendahuluan

buli siber dan kesan

Fokus 1

- S2 mengehendkan penggunaan media sosial
- S3 tangkap layar dan mencetaknya
- S4 memaklumkan kepada keluarga
- S5 kempen digiatkan

Fokus 2

- S6 berasa rendah diri
- S7 maruah dan nama baik
- S8 kemurungan.
- S9 semakin merosot
- S10 tidak berminat untuk belajar

Penutup

tidak timbul isu yang menyusahkan masyarakat

Praktis 3

Pendahuluan

kesan negatif; usaha

Fokus 1

- S1 gangguan perkembangan otak terhadap anak kecil.
- S2 gangguan pertuturan.
- S3 sikap dan tingkah laku anak.
- S4 dengan ibu bapa berbanding dengan rakan di alam siber.
- S5 dengan bahan negatif atau bahan yang tidak sesuai dengan tingkat umur.

Fokus 2

- S6 mengehendkan masa penggunaan telefon pintar di rumah.
- S7 dengan anak tanpa menggunakan sebarang peranti pintar.
- S8 perkara yang dilihat dalam telefon.
- S9 laman web atau aplikasi yang bermanfaat.
- S10 hal berkaitan dengan teknologi moden.

Penutup

masyarakat hendaklah memanfaatkan penggunaan telefon pintar secara hemah agar/ supaya tidak timbul masalah yang negatif.

Praktis 4

Pendahuluan

usaha menyedarkan masyarakat tentang jenayah siber, sebab dan kesan jenayah siber.

Fokus 1

- S1 mengadakan kempen seperti Kempen #TakNakScam.
- S2 aplikasi yang boleh menyekat panggilan orang yang tidak dikenali atau diragui.
- S3 semakan akaun bank atau nombor telefon yang mencurigakan.
- S4 penipu licik mencari idea baharu.
- S5 gelojoh untuk kaya.

Fokus 2

- S6 bersikap pemurah.
- S7 keuntungan yang banyak dalam masa yang singkat.
- S8 kurangnya kesedaran masyarakat tentang jenayah siber.

Fokus 3

- S9 murung dan menyesali nasib dirinya.
- S10 hubungan mangsa dengan isteri menjadi renggang.

Penutup

masyarakat hendaklah sentiasa berwaspada apabila berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali agar/ supaya diri tidak mudah tertipu.

Praktis 5

Pendahuluan

punca berlakunya kemalangan di jalan raya dan langkah-langkah mengatasinya.

Fokus 1

- S1 Antara punca kemalangan di jalan raya ialah pemandu kenderaan terlibat dalam pengambilan dadah.
- S2 pemandu kenderaan mengabaikan keselamatan kenderaan lain.
- S3 tidak mengambil peduli ciri-ciri keselamatan pemanduan berhemah.
- S4 syarikat pengangkutan tidak mengambil tahu kesalahan serta latar belakang pemandu.
- S5 syarikat pengangkutan didapati tidak memasang alat penghad kelajuan.

Fokus 2

- S6 Cara mengatasi kemalangan di jalan raya ialah Jabatan Pengangkutan Jalan menyemak rekod pemandu sebelum meluluskan pembaharuan lesen memandu.
- S7 memastikan jalan raya berkeadaan baik.
- S8 memandu secara berhemah.
- S9 memastikan kenderaan selalu diselenggara.
- S10 pemandu mematuhi had laju yang ditetapkan.

Penutup

bersama-samalah kita menjadikan jalan raya sebagai laluan selamat agar/ supaya tiada nyawa yang terkorban.

Praktis 6

Pendahuluan

Rumusan membincangkan etika sebagai pengguna media sosial dan kesan negatif penggunaan media sosial.

Fokus 1

- S1 Pengguna media sosial perlu berfikir baik dan buruknya jika bahan disebar.
- S2 buatlah kajian jika perkongsian membabitkan rantaian maklumat dan pastikan kesahihannya.
- S3 bahan yang tidak benar jangan disebar.
- S4 kita perlu mengenali sasaran pembaca.
- S5 perlu menulis dengan bahasa yang betul.

Fokus 2

- S6 Penggunaan media sosial memberikan kesan negatif, antaranya boleh menimbulkan sengketa kerana setiap orang mempunyai perspektif yang berbeza.
- S7 banyak perkongsian dan fitnah yang tular boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.
- S8 penyalahgunaan bahasa Melayu di media sosial.
- S9 rasa cemas dan tidak tenang semasa melayari media sosial.
- S10 kecaman dan komen negatif pengguna media sosial mengganggu kesihatan mental.

Penutup

kita perlu memanfaatkan media sosial untuk hal yang berfaedah agar/ supaya masyarakat yang berilmu dapat dilahirkan.

Praktis 7

Pendahuluan

Rumusan membincangkan kesan negatif dan kesan positif penggunaan kad kredit.

Fokus 1

- S1 Antara kesan negatif penggunaan kad kredit antaranya melahirkan masyarakat yang suka berhutang.
- S2 menyebabkan seseorang mengumpulkan hutang hingga mencapai jumlah yang boleh mengakibatkan muflis.

- S3 menggalakkan pemilik kad berbelanja lebih daripada pendapatan.
- S4 menggunakan kad kredit untuk membayar hutang lain hingga diri mereka dikelilingi hutang.
- S5 kad kredit diklonkan oleh penjenayah dan digunakan untuk berbelanja tanpa pengetahuan pemilik kad.

Fokus 2

- S6 Kesan positif penggunaan kad kredit ialah kemudahan pinjaman yang paling mudah diperolehi.
- S7 kemudahan pengeluaran wang tunai menerusi kad kredit.
- S8 lebih mudah menggunakan kad kredit semasa di luar negara untuk pelbagai transaksi pembayaran.
- S9 tidak perlu membawa wang yang banyak ke mana-mana.
- S10 menikmati mata ganjaran dan rebat tunai bagi setiap pembelian dan pembayaran.

Penutup

kad kredit perlu digunakan dengan bijak dan berhemat agar/ supaya tidak terjerumus dalam kebangkrutan.

Praktis 8**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan usaha mengatasi penyalahgunaan dadah, punca penagihan dadah dan kesan penagihan dadah terhadap negara.

Fokus 1

- S1 Pelbagai usaha membendung penyalahgunaan dadah, antaranya hukuman mati mandatori dikenakan terhadap pengedar dadah sejak tahun 1952.
- S2 pihak berkuasa sentiasa memberikan pendedahan dan pendidikan menerusi ceramah, seminar dan pameran.
- S3 masyarakat sentiasa berganding bahu dengan pihak berkuasa bagi membanteras penyalahgunaan dadah.
- S4 ibu bapa bertanggungjawab untuk mengawasi anak.
- S5 menubuhkan pusat pemulihan untuk memberikan rawatan kepada bagi penagih.

Fokus 2

- S6 Sebab belia terjebak dalam gejala dadah ialah rasa ingin mencuba atas pujuk rayu teman-teman.
- S7 ingin mencari ketenangan.
- S8 mahu melupakan segala masalah.

Fokus 3

- S9 penagihan dadah menyebabkan kerajaan kehilangan belia yang berpotensi untuk memajukan negara.
- S10 kerajaan menghabiskan jutaan ringgit untuk membanteras dan memulihkan penagih.

Penutup

marilah kita membantu kerajaan membanteras penyalahgunaan dadah agar/ supaya Malaysia menjadi negara yang selamat, makmur dan maju.

Praktis 9**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan usaha menanam minat membaca dan faedah daripada membaca.

Fokus 1

- S1 Antara usaha menanam minat membaca adalah dengan memupuknya sejak kecil.
- S2 ibu bapa membacakan anak kecil mereka buku cerita yang menarik.
- S3 membiasakan anak-anak dengan kedai buku.
- S4 banyak bahan bacaan yang berfaedah boleh diakses dengan mudah.

- S5 boleh mendapatkan pelbagai bahan bacaan digital di Internet.

Fokus 2

- S6 boleh melahirkan modal insan yang berilmu.
- S7 ilmu diperolehi kekal di hati.
- S8 pengetahuan semakin luas.
- S9 membaca boleh menenangkan hati.
- S10 banyak membaca bijak dalam bertindak.

Penutup

orang dewasa perlu menjadikan budaya membaca sebagai gaya hidup agar/ supaya anak-anak akan mencontohi tabiat tersebut.

Praktis 10**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan usaha membendung gejala rasuah, punca gejala rasuah dan kesan rasuah kepada negara.

Fokus 1

- S1 Antara usaha membendung gejala rasuah ialah menguatkuasakan undang-undang dan hukuman.
- S2 pendedahan awal tentang bahaya rasuah sejak di bangku sekolah.
- S3 penubuhan SPRM yang bertanggungjawab mendidik dan mengambil tindakan terhadap pesalah rasuah.
- S4 kempen berterusan menerusi media massa.
- S5 semua lapisan masyarakat berganding bahu bagi membanteras gejala rasuah.

Fokus 2

- S6 Antara punca rasuah ialah kelemahan peribadi yang menginginkan kehidupan mewah dan tamak.
- S7 mengharapkan tender yang disertai mudah diluluskan.
- S8 mengharapkan rekod buruk syarikat ditutup.

Fokus 3

- S9 rasuah menyebabkan nama negara tercemar di mata dunia.
- S10 projek kerajaan tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Penutup

marilah mengamalkan sikap membenci rasuah agar/ supaya tidak sesekali terjebak dalam gejala buruk itu.

KERTAS MODEL SPM SET 1**KERTAS 1****Bahagian A: Karangan Respons Terhad****Format: Surat Kiriman Rasmi**

Aduan masalah yang dihadapi dan cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjamin keselamatan penduduk di kawasan tempat tinggal anda.

Isi:

- Nyatakan masalah yang dihadapi tentang keselamatan tempat tinggal anda – masalah jenayah dadah – penduduk takut – jenayah rogol dan bunuh
- Cadangkan langkah-langkah yang wajar diambil – kuat kuasakan undang-undang – pemantauan pihak berkuasa – pembersihan – tindakan sewajarnya

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**Soalan 1**

Fokus Soalan: Peranan masyarakat untuk menjadikan bidang pertanian sebagai bidang pilihan anak muda.

Cadangan Isi:

Masyarakat boleh menganjurkan kempen bidang pertanian sebagai pilihan

- Hebahan melalui media massa

- Galakan kepada masyarakat untuk menyertainya
 - Masyarakat menganjurkan pertandingan bidang pertanian
 - Menggalakkan masyarakat berkhidmat kepada tanah
 - Hadiah berbentuk benih sebagai galakan bertani
- Masyarakat menganjurkan seminar dengan memanggil petani-petani yang berjaya
- Perkongsiannya petani yang berjaya kepada masyarakat
 - Pendedahan masyarakat tentang kepentingan bertani
- Masyarakat menganjurkan lawatan ke Karnival Mega Pertanian
- Mendapatkan pengetahuan
 - Menggalakkan masyarakat menjadikan bidang pertanian sebagai pilihan

Soalan 2

Fokus Soalan: Kepentingan-kepentingan pembelajaran sepanjang hayat bagi sesebuah organisasi.

Cadangan Isi:

Melahirkan masyarakat yang berkemahiran dan berpengetahuan, pembelajaran yang berterusan perlu menjadi keutamaan dalam kehidupan masyarakat

- Ahli organisasi akan mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang baik

Menjamin masa depan yang lebih cerah

- Kemahiran sepanjang hayat membuka ruang untuk menjana masa depan yang lebih baik

Melahirkan individu yang lebih produktif dalam bidang kerjaya masa depan

- Negara akan mempunyai masyarakat yang lebih produktif dalam bidang kerja masing-masing

Melahirkan tenaga kerja yang lebih berkualiti

- Masyarakat yang lebih berkualiti dari segi tenaga kerja dapat dilahirkan dengan cara pembelajaran secara berterusan

Soalan 3

Fokus Soalan: Peranan remaja untuk mengelakkan diri daripada menjadi seorang yang pemalas.

Cadangan Isi:

Remaja perlu rajin berusaha

- Remaja perlu rajin berusaha untuk berjaya

Remaja mengikuti kempen atau seminar tentang pelajaran

- Remaja akan terdedah kepada kehidupan yang suka akan pelajaran

Remaja memilih rakan sebaya yang rajin

- Remaja akan terdedah kepada tingkah laku rajin
- Jika kita berkawan dengan orang menjual minyak wangi, kita akan berbau wangi, begitu juga sebaliknya

Remaja perlu menerapkan diri dengan cara hidup yang sempurna dengan nilai murni

- Remaja perlu mendekati diri dengan ajaran agama yang selengkapnya
- Remaja akan menjadi lebih rajin

Soalan 4

Fokus Soalan: Faktor-faktor yang mendorong kepada pemilihan kerjaya seseorang.

Cadangan Isi:

Ibu bapa pendorong kepada pemilihan kerjaya seseorang

- Anak-anak akan membuat pilihan yang tepat
- Kerjaya yang biasa diwarisi

Rakan sebaya

- Seseorang terdedah kepada pemilihan kerjaya yang sama dengan kerjaya rakan sebaya

Pemilihan mata pelajaran semasa di tingkatan empat

- Seseorang harus membuat pemilihan mata pelajaran yang tepat

Minat dan kemahiran dalam diri anak-anak

- Seseorang yang mempunyai minat terhadap sesuatu kemahiran akan mempengaruhi pemilihan kerjaya

KERTAS 2

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

Soalan 1

- (i) **Penentangan** golongan muda terhadap golongan tua boleh diatasi apabila masing-masing mengamalkan sikap bertolak ansur.
- (ii) Kita boleh **mengimpikan** kehidupan yang selesa tetapi perlu berusaha keras dan berhemat dalam berbelanja sejak mula bekerja lagi.
- (iii) Azman tidak mudah berputus asa kerana dia menyedari perjalanannya dalam sukan badminton masih **panjang**.
- (iv) Cadangan untuk membina lapangan terbang **baharu** itu masih dalam pertimbangan lagi berikutan kos pembinaannya yang amat tinggi.

Soalan 2

- (i) Masalah merokok dalam kalangan murid lelaki semakin meningkat.
- (ii) Masalah merokok dalam kalangan murid perempuan semakin meningkat.
- (iii) Pelbagai program kesedaran tentang bahaya merokok nampaknya tidak berkesan.
- (iv) Peraturan murid merokok semakin bertambah.
- (v) Mereka semakin berani merokok di khalayak ramai.
- (vi) Mereka berani merokok dengan memakai pakaian uniform sekolah.

Soalan 3

Petikan 1

	Salah	Betul		Salah	Betul
1	di masa	pada masa	4	daripada	dari
2	mengetuai	menerajui	5	kejadian	menjadi
3	ketinggian	kecemerlangan	6	modul	modal

Petikan 2

	Salah	Betul		Salah	Betul
1	mengada	mempunyai	4	adalah	ialah
2	berbilang-bilang	berbilang	5	kejayaan	kemajuan
3	setengah	suku			

Soalan 4

Kata penjarah itu, “Apakah helah aku masuk ini kerana senjata ini sedia bertikam. Jika aku masuk pasti kalahlah aku dengan senjata ini?”

Penjarah itu pulang dan pergi ke tempat yang lain. Dicurinya dan dibawa ke tempat itu. Hari pun siang. Laksamana pun pulang.

Soalan 5

- (i) alah bisa tegal biasa
- (ii) hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

Bahagian B: Pemahaman

Soalan 6

- (i) Rangkai kata membawa maksud mempunyai perasaan halus.

- (ii) Waktu cuti boleh dimanfaatkan dengan mengunjungi lokasi menarik untuk dikunjungi seperti Projek Taman Tugu yang terletak di tengah ibu kota. Kita juga boleh ke perpustakaan, beriadah bersama-sama rakan, berpersatuan, mengikuti kelas tambahan, kem motivasi, kem cuti sekolah, bekerja sambilan dan menghadiri bengkel penulisan. Seseengahnya merancang mengikut keluarga bercuti ke tempat-tempat bersejarah seperti muzium, galeri sejarah dan tempat-tempat yang mempunyai kesan-kesan peninggalan sejarah. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]
- (iii) Seseorang itu pergi bercuti ke sesuatu tempat untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan kerana ahli keluarga biasanya sibuk dengan urusan masing-masing seperti bekerja dan belajar pada hari-hari biasa. Selain itu, bercuti ke sesuatu tempat boleh meluaskan pengetahuan untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.
- (iv) Aktiviti riadah tidak menjadi amalan wajib dalam kalangan masyarakat kita kerana aktiviti tersebut memenatkan dan mengambil masa, sedangkan pada hari minggu mereka mahu berehat bersama-sama keluarga di rumah. Selain itu, masyarakat lebih banyak menghabiskan masa melayari media sosial atau bermain e-sukan menerusi telefon pintar dan komputer menyebabkan mereka tidak mahu beriadah. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Soalan 7

- (i) Rangkaian kata membawa maksud mendapatkan semula.
- (ii) Berdasarkan Bahan 1, tanah khususnya ladang telah memberikan rezeki kepada keluarga. Manakala berdasarkan Bahan 2, Hakim mahu mengusahakan kebun dan ternakan di atas tanah yang ditebusnya. Seterusnya, berdasarkan Bahan 3, tanah di seluruh kampung telah tergadai akibat menyabung ayam.
- (iii) Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan boleh memajak tanah yang terbiar dengan bayaran yang sesuai untuk diusahakan dengan pertanian. Usaha yang lain adalah dengan membeli tanah tersebut menerusi pemaju untuk dimajukan dengan perumahan atau kompleks perniagaan.
- (iv) Sekiranya keluarga memiliki tanah yang tidak diusahakan, saya akan memanfaatkannya dengan menanam sayur-sayuran dan pokok buah-buahan yang cepat mengeluarkan hasil sebagai cara menambahkan pendapatan dan memanfaatkan masa terluang. Seterusnya, jika mendapat peluang yang lebih baik saya akan usahakan pertanian moden dengan mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Soalan 8

- (i) Petikan
- Bukti Sophia seorang isteri dan ibu yang bertanggungjawab ialah dia berjanji di depan suaminya bahawa dia akan menjaga anak-anak, ayah dan emak sepanjang suaminya pergi bekerja. Dia juga sentiasa mendoakan keselamatan suaminya. Sophia juga memuji suaminya yang baik dan tidak pernah menyakitinya sepanjang hidup bersama. Akhir sekali, dia meminta ampun atas salah dan silapnya selama ini dan mengharapkan suaminya menghalalkan makan minumannya.

- (ii) Tiga nilai murni.

(a) Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

Nilai murni daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Taib ialah patriotisme, contohnya Adnan menjadikan semangat tokoh pejuang terdahulu sebagai contoh seperti Maharajalela, Tok Gajah, serta Mat Kilau yang sanggup berjuang menggadaikan nyawa demi mempertahankan tanah air. Seterusnya Leftenan Adnan bergadai nyawa menentang tentera Jepun di Bukit Candu demi mempertahankan tanah air. Selanjutnya kasih sayang, contohnya Sophia amat menyayangi suaminya, Adnan yang merupakan seorang tentera dan untuk meluahkan rasa rindunya, dia mengutus sepucuk surat kepada suaminya. Akhir sekali keberanian, contohnya Pak Saidi tidak takut menentang tentera Jepun sehinggakan Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun dengan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya walaupun akhirnya Pak Saidi telah dibunuh oleh tentera Jepun.

(b) Tirani

Terdapat beberapa nilai murni dalam novel *Tirani* karya Beb Sabariah iaitu, kasih sayang, contohnya Fadhil dan Raidah sangat menyayangi anak-anaknya, Ghazi dan Waheeda serta menaruh harapan yang tinggi terhadap pembedahan muka dan hidung Waheeda. Contoh yang lain, Ghazi sanggup menemani Waheeda bagi mendapatkan rawatan lanjut di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) bersama dengan ibunya. Seterusnya nilai positif bertanggungjawab, contohnya Fadhil tidak mahu menyusahkan orang lain, sebaliknya dengan perasaan bertanggungjawab segera membawa Waheeda yang mengalami pendarahan akibat kecederaan yang teruk angkara diserang monyet Belanda ke hospital dengan segera bagi mendapatkan rawatan. Contoh yang lain, Ustazah Ruqaiyah bertanggungjawab mendidik dan memberikan pendidikan yang terbaik kepada murid-muridnya termasuklah Waheeda dan Nasuha.

Bahagian C: Rumusan

Soalan 9

Pendahuluan: Rumusan membincangkan usaha-usaha mewujudkan keluarga bahagia dan kesan-kesan keluarga bahagia.

Fokus 1: Usaha-usaha mewujudkan keluarga bahagia

Bahan 1

- Anak-anak diberikan didikan agama dan moral yang utuh
- Ibu bapa memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak
- Memastikan anak-anak tidak bergaul dengan rakan yang rosak akhlak
- Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak
- Anak-anak membantu meringankan beban ibu bapa

Fokus 2: Kesan-kesan keluarga bahagia

Bahan 1

- Dapat menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup
- Melahirkan persefahaman dan perasaan tolak ansur

Bahan 2

- Melahirkan generasi muda yang berketerampilan
- Meningkatkan produktiviti keluarga dan masyarakat
- Menyumbang kepada pembangunan negara.

Penutup: Kesimpulannya, ibu bapa perlu mewujudkan keluarga bahagia agar/ supaya anak-anak dapat membesar dengan sempurna.

KERTAS MODEL SPM SET 2

KERTAS 1

Bahagian A: Karangan Respons Terhadap

[Kehendak soalan: Cara-cara Memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).]

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan dengan pusing ganti jualan tahunannya yang tidak melebihi RM 25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. IKS ialah komponen yang penting dalam ekonomi negara kerana menyumbang kira-kira 32 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan teknologi moden banyak mempengaruhi kejayaan IKS dan sememangnya memberikan perubahan yang besar kepada produktiviti IKS. Oleh yang demikian, pelbagai langkah perlu diperkenalkan untuk membantu IKS memodenkan operasi dan mengurangkan kos pengeluaran. Antara yang boleh ditingkatkan ialah intensif untuk menggalakkan pengusaha IKS terutamanya di luar bandar beralih daripada cara tradisional kepada teknologi moden.

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dan program untuk menyokong pembangunan IKS. Hal ini bertujuan menggalakkan pembangunan IKS yang berdaya saing dan berdaya tahan ke arah meningkatkan sumbangan IKS kepada ekonomi negara. Sokongan kerajaan bagi membangunkan IKS adalah dalam bentuk program yang dirangka khusus bagi menyediakan infrastruktur supaya pengusaha lebih mudah menceburi bidang perniagaan, menanam semangat keusahawanan dan mendidik bakal usahawan.

IKS digalakkan meluaskan pasaran peringkat antarabangsa. Antara kaedah yang digunakan ialah penggunaan laman web untuk tujuan pemasaran dan mempromosikan produk dan perkhidmatan. Menerusi teknologi maklumat, maklum balas dapat diterima dengan cepat melalui e-mel atau ruangan maklum balas yang disediakan oleh pengusaha dalam perkhidmatan laman web mereka. Pelanggan boleh mengemukakan idea dan komen dalam ruangan atau e-mel yang disediakan tersebut.

Sebagai kesimpulannya, barangan keluaran IKS diakui dapat membantu merancakkan ekonomi negara. Disebabkan sikap masyarakat yang lebih menyenangi barangan import, kehadiran barangan IKS diharapkan mampu membendung pengaliran wang kita ke negara luar. Pada waktu yang sama, kita mengharapkan orang ramai menghargai barangan keluaran IKS. Untuk memajukan IKS, kita perlu bersikap bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

Soalan 1

Berformat: Pidato

Pendahuluan:

Kata alu-aluan

Idea-idea:

- Memastikan keperluan penduduk masa ini dan masa akan datang terjamin
- Pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan
- Meningkatkan kesihatan penduduk dari segi fizikal dan mental
- Menjamin kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan dan alam sekitar
- Mengurangkan bencana alam akibat kerosakan alam sekitar

Penutup

Serangkap sajak dan lafaz terima kasih

Soalan 2

Pendahuluan:

Saban malam suasana tidak tenang – bising dengan jeritan anak muda

Idea-idea:

- Anak muda berkumpul di dalam dan di luar pusat hiburan. Kadang-kadang berlaku pergaduhan
- Berlaku pelbagai gejala negatif yang merosakkan anak muda.
- Aduan telah dibuat kepada pihak majlis tempatan tetapi mereka masih terus beroperasi
- Bimbang menular kepada remaja yang masih bersekolah.

Penutup:

Berharap amaran, penggantungan lesen, atau menangkap mereka yang berkumpul

Soalan 3

Pendahuluan:

Setiap remaja perlu memiliki pelbagai kemahiran untuk memasuki pasaran kerja dengan mengikuti kursus.

Idea-idea:

- Memahami kerjaya yang dipilih dan seterusnya menguasai kemahiran komunikasi yang berkaitan.
- Melengkapkan kemahiran kerjaya kolar biru yang berpeluang untuk mengembangkan potensi diri.
- Kemahiran berniaga secara kecil-kecilan dan perniagaan dalam talian.
- Kemahiran dalam sektor pertanian sebelum melibatkan diri secara serius.

Penutup:

Terus melengkapkan pelbagai kemahiran untuk memudahkan memasuki apa-apa sahaja pasaran kerja.

Soalan 4

Pendahuluan:

Meyakini sektor pertanian lebih menguntungkan daripada bekerja makan gaji.

Idea-idea:

- Ibu bapa membawa anak bersama-sama mengerjakan kerja-kerja di ladang.
- Di sekolah, murid ditekankan dengan aspek pertanian menerusi mata pelajaran dan memajukan taman mini sekolah
- Meneruskan pengajian di institusi pengajian yang menawarkan kerjaya berkaitan dengan pertanian
- Kerajaan menekankan sektor pertanian dengan melibatkan para belia tanpa terlalu bergantung pada barangan import

Penutup:

Menekankan masyarakat bahawa pertanian satu perniagaan.

KERTAS 2

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

Soalan 1

- (i) **Ketidakcekapan** dalam mengurus masa menyebabkan kita ketinggalan untuk bersaing dengan mereka yang pantas bekerja.
- (ii) Pada awal pagi, kesesakan di **jalan raya** begitu terasa kerana ramai yang sibuk menghantar anak ke sekolah dan ke tempat kerja.
- (iii) Polis berusaha **mengenal pasti** mereka yang terlibat dalam kes jenayah yang berlaku di Taman Sentosa.
- (iv) Sebagai **bandar raya** utama, Kuala Lumpur menjadi tumpuan pelancong asing untuk membeli-belah dan menikmati hiburan.

Soalan 2

- (i) Merupakan bekas yang paling selamat digunakan di dalam ketuher gelombang mikro, bekas kaca dan seramik.
- (ii) Mampu menembusi bekas plastik lalu mewujudkan tindak balas antara bekas plastik dengan komposisi kimia makanan, gelombang mikro.
- (iii) Boleh menyebabkan masalah kelemahan sistem saraf dan sistem pencernaan, toksik tersebut yang memasuki badan.

Soalan 3

	Salah	Betul	Salah	Betul
1	penegasan	pencegahan	7	pada kepada
2	berkait	berkaitan	8	mempastikan memastikan
3	di dalam	dalam	9	mendiami menduduki
4	elektrik	elektronik	10	memegang berganding
5	majlis	sambutan	11	masyarakat Malaysia dijangkiti menjangkiti masyarakat Malaysia
6	memberi	memberikan		

Soalan 4

Kata semua anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimanakah datuk hendak beristeri muda kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Kata Seri Nara Diraja, “Di manakah kamu semua tahu? Jika begitu sia-sialah azimat yang dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

Dan setelah selesai idah, Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu.

Soalan 5

- (i) Sudah jatuh ditimpa tangga
- (ii) Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni

Bahagian B: Pemahaman**Soalan 6**

- (i) Rangkaian kata membawa maksud hala berhadapan.
- (ii) Puncu kemalangan dipercayai kerana mangsa cuba memotong kereta dihadapan dengan memasuki laluan kanan lalu bertembung dengan lori. Kemalangan boleh diatasi apabila memandu secara berhemah.
- (iii) Kemalangan melibatkan remaja yang tidak mempunyai lesen memandu begitu sukar untuk dibendung kerana kehairahan remaja untuk menunjukkan kehebatan dalam kalangan rakan sebaya. Selain itu, mekanik motosikal berterusan memberikan habuan kepada remaja yang sanggup menguji enjin yang sudah diubah suai sebelum dijual kepada pelanggan.
- (iv) Sebagai jiran yang prihatin, saya akan menasihati jiran saya dengan menunjukkan statistik kemalangan yang melibatkan penunggang basikal di jalan raya agar dia berasa gerun untuk berbasikal di jalan raya. Selain itu, saya akan menasihatinya supaya berbasikal di taman reaksi atau di atas laluan yang disediakan khusus untuk penunggang basikal supaya keselamatannya lebih terjamin.

Soalan 7

- (i) Rangkaian kata membawa maksud tenaga yang tidak kuat.
- (ii) Pandangan pengarang tentang semangat dalam Bahan 1 ialah rakan yang kehilangan semangat perlu dibantu

dan diberi kekuatan untuk memulihkan semangatnya. Seterusnya dalam Bahan 2 pula semangat atau jiwa yang lemah boleh menjadi kuat apabila kita rajin belajar.

- (ii) Impaknya apabila tidak menjaga lidah ialah orang yang mendengar boleh tersinggung dan marah, sekali gus silaturahim yang terjalin boleh terputus. Seterusnya, kata-kata yang dilafazkan tanpa sumber yang betul boleh menyebabkan berlakunya fitnah, sekali gus boleh mencetuskan persekitaran kehidupan yang tidak harmoni.
- (iv) Sebagai kakak, saya akan memberinya bahan bacaan atau menunjukkan video cara-cara untuk menjaga penampilan diri supaya dia lebih berkeyakinan. Selain itu, saya akan memberikannya kata-kata perangsang untuk membantunya menjadi lebih berani apabila berhadapan dengan orang agar dia dapat menghadapi temu duga dengan yakin. [Dua idea dengan ayat yang lengkap akan memperoleh markah maksimum.]

Soalan 8

- (i) Apabila Jepun memperluas kuasanya di Semenanjung Tanah Melayu, dia bimbang memikirkan keselamatan ahli keluarganya di kampung. Segala perkembangan di Semenanjung Tanah Melayu selalu diikuti. Walaupun begitu, Leftenan Adnan menjalankan tugas seperti biasa dan tidak mahu kematian adiknya membuat dia terus berduka.
- (ii) Iktibar yang diperoleh
 - (a) **Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa**
Novel yang saya pelajari ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib. Iktibar yang diperoleh menerusi novel ini ialah kita perlu mempunyai semangat patriotik untuk mempertahankan negara, contohnya Adnan menjadikan semangat tokoh pejuang terdahulu seperti Maharajalela, Tok Gajah, serta Mat Kilau yang sanggup berjuang menggadaikan nyawa demi mempertahankan tanah air sebagai teladan. Selain itu, kita hendaklah bertanggungjawab menjalankan amanah, contohnya sebagai seorang ketua di Kampung Sungai Ramal, Tok Ketua bertindak sebagai individu yang berusaha merungkaikan masalah yang wujud dalam kalangan masyarakat kampung terbabit, malah Tok Ketua berjumpa dengan Pak Saidi bagi mendengar penjelasannya agar keputusan yang dibuat tidak berat sebelah.
 - (b) **Novel Tirani**
Novel yang saya pelajari ialah Tirani karya Beb Sabariah. Iktibar yang diperoleh menerusi novel ini ialah kita mestilah mempunyai perasaan baik hati terhadap orang lain, contohnya Bazilah membenarkan Waheeda menetap di rumahnya di Yishun Street sepanjang tempoh Waheeda menjalani rawatan pembedahan muka dan hidungnya di Silicon Medical Center, Singapura. Selain itu, kita hendaklah berfikir rasional ketika bertindak, contohnya Waheeda bersetuju untuk membeli chalet Iwana-Iwani daripada Abdul Aziz Imran disebabkan lokasi dan potensi chalet itu yang dikatakan boleh berkembang dengan baik jika diuruskan dengan sempurna.

Bahagian C: Rumusan

Soalan 9

Pendahuluan: Rumusan membincangkan sikap negatif masyarakat terhadap budaya membaca dan usaha menggalakkan masyarakat agar suka membaca.

Fokus 1: Sikap negatif masyarakat terhadap budaya membaca

Bahan 1

- Tidak menjadikan buku sebagai keperluan penting dalam kehidupan seharian
- Tidak berasa kekurangan apabila tiada sebarang bahan bacaan
- Berasa kerugian apabila melihat ulat buku membelanjakan wang yang banyak untuk membeli bahan bacaan
- Kecenderungan masyarakat membaca di tempat awam belum menjadi budaya
- Pejabat kerajaan dan swasta masih kurang berminat untuk menyediakan bahan bacaan

Fokus 2: Usaha menggalakkan masyarakat agar suka membaca

Bahan 1

- Kerajaan dan pelbagai agensi meletakkan bahan bacaan di tempat awam
- Memperbanyak perpustakaan komuniti dan perpustakaan bergerak di kawasan perumahan

Bahan 2

- Memperbanyak karya ilmiah
- Ibu bapa dan guru menerapkan budaya membaca sejak awal usia kanak-kanak
- Ibu bapa memperuntukkan wang untuk membeli buku yang berkualiti

Penutup: Kesimpulannya, usaha bersepadu perlu dilakukan oleh semua orang agar/ supaya budaya membaca dijadikan sebagai amalan sehari-hari.